



Hujung Minggu

فليتا بروني

PELITA BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

WAKTU SEMBAHYANG IMSAK 4.35

SUBUH 4.45 SYURUK 6.07 DUHA 6.30

ZUHUR 12.18 ASAR 3.39

MAGHRIB 6.27 ISYAK 7.40

Daerah Belait ditambah 3 minit
Daerah Tutong ditambah 1 minit

TAHUN 68 BILANGAN 57

13 MEI 2023 / 1444 شوال 22

JABATAN PENERANGAN

EDISI SABTU / PERCUMA

'Ya Allah, Ya Tuhan kami, kiranya kami ini sudah terlanjur mengkufuri nikmat-Mu dengan kelakuan-kelakuan kami yang Engkau tidak redai, maka Engkau ampunkanlah kami dan kasihanilah kami dengan menarik balik wabak koronavirus daripada negara kami. Ya Allah mohon supaya Engkau bersihkan negara kami ini daripada wabak sebersih-bersihnya. Amin. WahsabunAllahu Wani'malwakeel, Walahaula Walaa Qowwata Illa Billahil 'Aliyyil 'Azeem. Walhamdu Lillahi Rabbil 'Alameen.

- Titah Perutusan Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada Selasa, 9 Muharam 1443 Hijrah bersamaan 17 Ogos 2021 Masihi di Istana Nurul Iman.

Tanai amanah, kekalkan kedaulatan negara

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid

JERUDONG, Khamis, 11 Mei. - Sebagai rakyat yang bernaung di Bumi Darussalam ini, semangat bersatu padu dan patriotik demi bangsa, negara dan raja adalah sangat dituntut kerana ia akan menjadi pemungkin kepada pembinaan bangsa, kemajuan negara dan keutuhan ummah.

Patriotisme yang diharapkan bukan sekadar luahan perasaan, tetapi menuntut kita untuk menghayati erti sebenar hidup sebagai rakyat yang menjadi penjulang kepada identiti negara.

Perkara tersebut dijelaskan oleh Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmad bin Haji Abdul Rahman semasa Majlis Penyampaian Sijil Taraf Kerakyatan Kali Ke-37 yang berlangsung di Dewan Persidangan BRIDEX, Jerudong, hari ini.

Terdahulu, Yang Berhormat mengucapkan tahniah atas pengurnian yang tidak ternilai dan merafakkan sembah ucapan menjunjung kasih ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di atas kurnia titah perkenan baginda mengurnikan semua untuk menjadi rakyat baginda sebagaimana diperuntukkan di bawah Akta Taraf Kerakyatan Brunei Penggal 15.

>> Muka 16

MEMELIHARA, MEMPERTAHANKAN PERPADUAN ASEAN



KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI BAGINDA SULTAN HAJI HASANAL BOLKIAH MU'IZZADDIN WADDAULAH IBNI AL-MARHUM SULTAN HAJI OMAR 'ALI SAIFUDDIEN SA'ADUL KHAIRO WADDIEN, SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM BERKENAN BERANGKAT MENGHADIRI SESI RETREAT SIDANG KEMUNCAK ASEAN KE-42 YANG BERLANGSUNG DI KOMODO BALLROOM, MERUORAH KOMODO CONVENTION CENTER.

- Foto : Hos Foto (Lihat muka 4).

Kebawah DYMM berangkat menziarahi jenazah

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmad

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 12 Mei. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaullah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berangkat menziarahi jenazah Allahyarham Yang Amat Mulia Pengiran Putera Negara Pengiran Haji Umar bin Pengiran Datu Penghulu Pengiran Haji Apong di kediaman

Allahyarham di Kampung Salambigar, di sini.

Berangkat sama, paduka anakanda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaullah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam iaitu Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri.

>> Muka 2

Sistem kesihatan diperkuuh, siap siaga tangani cabaran kesihatan global

Siaran Akhbar : Kementerian Kesihatan

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 11 Mei. - Setiap tahun, Hari Jururawat Antarabangsa atau International Nurses Day (IND) disambut pada 12 Mei dan Hari Bidan Antarabangsa atau International Day of Midwife (IDM) disambut pada 5 Mei.

Di Negara Brunei Darussalam (NBD) pula,

Hari Jururawat Antarabangsa dan Hari Bidan Antarabangsa ini digabungkan dan diraikan serentak pada setiap 12 Mei dan ia dinamakan sebagai Hari Jururawat dan Bidan Antarabangsa atau International Nursing and Midwifery Day (INMD).

>> Muka 12

MANISNYA IMAN ایمان

HADIS diriwayatkan oleh Imam Al-Bukhari daripada Abu Sa'id Al-Khudri dan Abu Hurairah RadhiAllahu 'anhuma, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang maksudnya : "Tiada seorang Muslim ditimpakan keletihan, penyakit, kerisauan, gangguan, kesedihan hingga duri yang menusuknya melainkan Allah menghapuskan sebahagian dari kesalahan-kesalahannya".

IKUTI KAMI DI APLIKASI MUDAH ALIH
InfoDeptBN
f Pelita Brunei @ pelitabrunei t pelitabrunei

Berita Utama



DOA Kesyukuran raikan 4 kontingen IDB VMAT 4/2022

Muka 11



GLENAGLES JPMC sambut kemeriah Aidilfitri dengan Majlis Rumah Terbuka Muka 15



MOC kukuhkan komunikasi kerjasama

Muka 18



RENCANA

SAYANGI, peduli, hormati keluarga kitani

Muka 27

KEBAWAH DYMM BERANGKAT MENZIARAH JENAZAH



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berangkat menziarahi jenazah Allahyarham Yang Amat Mulia Pengiran Putera Negara Pengiran Haji Umar bin Pengiran Datu Penghulu Pengiran Haji Apong di kediaman Allahyarham di Kampung Salambigar. Mengiringi keberangkatan, paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri (atas) manakala gambar kanan, baginda dan paduka anakanda menyertai Sembahyang Jenazah.

>> Muka 1

Sejurus keberangkatan tiba, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara

Brunei Darussalam dan paduka anakanda baginda bersama-sama menyertai Sembahyang Jenazah yang diimamkan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmad
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Hamzah Mohidin,
Muhammad Asri Haji Awang Abas

Seri Setia Haji Awang Salim bin Haji Besar.

Allahyarham meninggal dunia di Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha pada jam 8.45 pagi ketika berusia 83 tahun dan jenazah Allahyarham disemadikan di

Tanah Perkuburan Islam Kianggeh.

Allahyarham Yang Amat Mulia Pengiran Putera Negara Pengiran Haji Umar dilahirkan pada 2 Februari 1940 di Kampung Kianggeh, Bandar Brunei,

(Bandar Seri Begawan).

Mendapat pendidikan awal di Sekolah Melayu Sultan Muhammad Jamalul Alam, Bandar Brunei pada tahun 1950, Allahyarham kemudian melanjutkan pengajian di Maktab Sultan Omar 'Ali Saifuddien, Bandar Brunei.

>> Muka 3

WAKTU SEMBAHYANG

MEI MASIHI	HARI	SYAWAL HIJRAH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	AŞAR	MAGHRIB	İSYAK
13	SABTU	22	4.35	4.45	6.07	6.30	12.18	3.39	6.27	7.40
14	AHAD	23	4.35	4.45	6.07	6.30	12.18	3.39	6.27	7.40
15	ISNIN	24	4.34	4.44	6.06	6.30	12.18	3.39	6.27	7.40
16	SELASA	25	4.34	4.44	6.06	6.30	12.18	3.39	6.27	7.40
17	RABU	26	4.34	4.44	6.06	6.30	12.18	3.40	6.27	7.41
18	KHAMIS	27	4.34	4.44	6.06	6.30	12.18	3.40	6.27	7.41
19	JUMAAT	28	4.34	4.44	6.06	6.30	12.18	3.40	6.27	7.41

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

RAMALAN CUACA 3 HARI



SABTU	AHAD	ISNIN
Bandar Seri Begawan		
33 °C 26 °C " " "	34 °C 25 °C " " "	34 °C 26 °C " " "
Pekan Bangar		
33 °C 26 °C " " "	34 °C 25 °C " " "	33 °C 26 °C " " "
Pekan Tutong		
32 °C 26 °C " " "	34 °C 26 °C " " "	33 °C 26 °C " " "
Kuala Belait		
32 °C 26 °C " " "	34 °C 26 °C " " "	33 °C 26 °C " " "
Wallahu la illah bissawab		
Sumber : Perkhidmatan Kajicuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi		

www.met.gov.bn

SIDANG PENGARANG

13 MEI 2023

Berwaspada dengan fenomena El-Nino

SEPERTIMANA yang diumumkan oleh Pertubuhan Kajicuaca Sedunia (WMO) bahawa El-Nino berkemungkinan akan meningkat kepada kira-kira 70-80 peratus pada bulan Jun hingga bulan September 2023. Negara Brunei Darussalam juga tidak terlepas daripada mengalami fenomena tersebut di mana kesan El-Nino kepada negara kita termasuklah aktiviti hujan yang berkurangan dengan peningkatan suhu udara dan kelembapan relatif yang rendah. Keadaan cuaca kering dan panas dijangka berlaku dalam beberapa bulan yang akan datang dengan berkemungkinan peningkatan suhu maksima harian mencecah 34 darjah celsius atau lebih pada waktu petang.

El-Nino ialah fenomena yang berlaku apabila suhu permukaan laut di kawasan tropika Lautan Pasifik menjadi lebih panas daripada biasanya. Ia juga dikenali sebagai 'fasa panas' kitaran El-Nino Southern Oscillation (ENSO). Fenomena tersebut berlaku setiap 3-7 tahun secara purata, dan cenderung memuncak semasa musim sejuk Hemisfer Utara (Disember hingga Februari).

Mengambil kira kemungkinan berlakunya El-Nino, Jabatan Kajicuaca Brunei Darussalam ingin menasihatkan orang ramai supaya mengambil sebarang langkah berjaga-jaga dan keselamatan serta mematuhi mana-mana garis panduan daripada Kementerian Kesihatan berhubung dengan keadaan cuaca panas.

Pelbagai masalah kesihatan boleh berlaku kepada mana-mana individu yang terdedah dengan kepanasan melampau secara berterusan dalam jangka masa lama, sepanjang tempoh ini sama ada implikasi kesihatan tahap sederhana mahupun tahap serius yang boleh mengundang maut seperti strok haba. Cuaca panas yang melampau boleh menyebabkan seseorang individu itu kerap berpeluh dan kesannya akan menyebabkan cecair dalam tubuh badan berkurangan. Masalah atau kesan kesihatan akibat panas melampau boleh menyerang sesiapa sahaja namun ada beberapa golongan tertentu yang lebih berisiko seperti warga emas, wanita mengandung dan juga kanak-kanak.

Sehubungan ini, kami di Pelita Brunei ingin mengingatkan masyarakat terutama bagi anak-anak sekolah dan warga sekolah agar berhati-hati tentang keadaan cuaca yang melanda kini dan perbanyak minum air serta kurangkan aktiviti di luar bilik darjah.

Orang ramai juga disarankan sentiasa mengambil langkah pencegahan dengan banyak meminum air dan bukannya hanya ketika dahaga, pakai pakaian ringan, berwarna terang dan longgar, pakai topi atau payung besar serta mengurangkan aktiviti luar rumah. Jika awda melihat seseorang mempunyai tanda atau gejala masalah berkaitan suhu panas, awda bolehlah membawa mangsa ke tempat yang selamat dan sejuk sebelum dia dibawa ke klinik atau hospital.

Turut dinasihatkan agar semua pihak mengambil langkah penjimat dalam penggunaan air semasa cuaca panas, peka dengan perubahan cuaca serta mengelakkan pembakaran terbuka. Bersamalah kita mengambil langkah berjaga-jaga dan jangan ambil mudah dengan keadaan cuaca panas yang sedang melanda seluruh dunia ketika ini. - Ketua Penyuntingan (Ad)



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan paduka anakanda baginda menyertai Sembahyang Jenazah (atas), manakala gambar atas kanan, baginda berangkat menziarahi Allahyarham Yang Amat Mulia Pengiran Putera Negara. Manakala gambar kanan, kenderaan khas yang membawa Alat-alat Perhiasan Diraja dan Alat-Alat Kebesaran Diraja.

>> Muka 2

Allahyarham Yang Amat Mulia Pengiran Putera Negara pernah menjawat beberapa jawatan di Pasukan Polis Diraja Brunei dan kali terakhir Allahyarham YAM menjawat jawatan sebagai Pesuruhjaya Polis (C.P) dari 1 Januari 1984 - 31 Mac 1991.

Atas titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Allahyarham telah diangkat menjadi Cheteria 8 dengan membawa gelaran sebagai 'Yang Amat Mulia Pengiran Putera Negara' pada 10 Ogos 1972.

Kewajipan Gelaran 'Pengiran Putera Negara': Bertanggungjawab memerhatikan keadaan pendirian dan kejujuran rakyat terhadap Sultan dan menyelidiki serta mengkaji masalah mengenai perkara itu untuk disembahkan kepada baginda sebagai nasihat.



BERANGKAT TINGGALKAN LABUAN BAJO, REPUBLIK INDONESIA



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan paduka anakanda baginda menadah tangan ketika doa dibacakan.

LABUAN BAJO, REPUBLIK INDONESIA, Khamis, 11 Mei. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Abdul Mateen.

Berangkat mengiringi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Abdul Mateen.

Hadir di Lapangan Terbang Komodo-Labuan Bajo bagi menyembahyang ucapan selamat berangkat ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan paduka anakanda baginda berkenan bergambar ramai sebelum berangkat bertolak meninggalkan Labuan Bajo, Republik Indonesia setelah selesai menghadiri Sidang Kemuncak ASEAN Ke-42.

Siaran Akbar : Jabatan Perdana Menteri
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid, Hernie Suliana Haji Othman

Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah Menteri Pekerjaan Umum dan Perumahan Rakyat, Yang Terhormat Dr. Ir. Mochamad Basuki Hadimuljono.

Juga hadir ialah Kuasa Usaha Sementara, Kedutaan Besar Negara Brunei Darussalam di Republik Indonesia, Dayang Yuhanzah binti Dato Paduka Dr. Haji Ismail.

Pada Sidang Kemuncak ASEAN Ke-42, Kebawah Duli

Yang Maha Mulia dan para Pemimpin ASEAN, antara lainnya, mengalau-alukan penglibatan Republik Demokratik Timor-Leste dalam Sidang Kemuncak ASEAN buat pertama kalinya sebagai Negara Pemerhati.

Para Pemimpin ASEAN telah berbincang mengenai perkembangan dalam usaha-usaha pembangunan Komuniti ASEAN, serta pelaksanaan Five-Point Consensus dan ASEAN Outlook



DOA Selamat dibacakan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim bin Haji Besar.



on the Indo-Pacific. Perbincangan juga tertumpu kepada kepentingan dalam mempertahankan perpaduan ASEAN bagi memastikan ASEAN terus menjadi pusat pertumbuhan dan wadah yang relevan untuk dialog dan kerjasama ke arah keamanan dan kemakmuran bersama.

>> Muka 4



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia berkenan berangkat bertolak meninggalkan Labuan Bajo, Republik Indonesia setelah selesai menghadiri Sidang Kemuncak ASEAN Ke-42. Berangkat mengiringi Kebawah Duli Yang Maha Mulia ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen (kiri dan atas).

Perdana Menteri Republik Demokratik Timor-Leste, Tuan Yang Terutama Taur Matan Ruak.

Perjumpaan - perjumpaan tersebut menyentuh mengenai peningkatan kerjasama dalam bidang-bidang berkepentingan

bersama serta penerokaan peluang-peluang dalam bidang-bidang kerjasama yang baharu, ke arah meningkatkan lagi persahabatan di antara Negara Brunei Darussalam dan negara-negara jiran.

>> Muka 2

Pada atur cara sampingan sidang kemuncak tersebut, Kebawah DYMM juga berangkat menghadiri Perjumpaan-

Perjumpaan Dua Hala bersama Perdana Menteri Republik Sosialis Viet Nam, Tuan Yang Terutama Pham Minh Chinh; Perdana Menteri

Malaysia, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar Ibrahim; Perdana Menteri Republik Demokratik Rakyat Lao, Tuan Yang Terutama Sonexay Siphandone dan

Memelihara, mempertahankan perpaduan ASEAN



Indo-Pacific bagi memastikan ASEAN kekal sebagai wadah untuk berdialog dan bekerjasama ke arah kemajuan, keamanan dan kemakmuran.

Menyentuh mengenai situasi di Myanmar, titah baginda, penyelesaian masalah di negara berkenaan adalah di tangan rakyat negara tersebut melalui proses yang dipimpin dan dimiliki oleh Myanmar.

Oleh itu, ASEAN perlu untuk terus memudahkancarakan persekitaran yang kondusif bagi proses perdamaian.

Pada mengakhiri titah, Kebawah Duli Yang Maha Mulia mencadangkan ASEAN perlu mempertimbangkan untuk berbincang bersama Myanmar dalam masa terdekat bagi menekankan kebimbangan terhadap pelaksanaan Five-Point Consensus, yang telah dipersetujui oleh para Pemimpin ASEAN pada tahun 2021.

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menyertai Ketua-ketua Negara dan Kerajaan ASEAN bagi sesi bergambar ramai pada Sesi Retreat Sidang Kemuncak ASEAN Ke-42.

Siaran Akbar : Jabatan Perdana Menteri
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid,
Hernie Suliana Haji Othman, Hos Foto

LABUAN BAJO, REPUBLIK INDONESIA, Khamis, 11 Mei. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat menghadiri Sesi Retreat Sidang Kemuncak ASEAN Ke-42 yang berlangsung di Komodo Ballroom, Meruorah Komodo Convention Center, hari ini.

Berangkat mengiringi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal

Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen.


Pada sesi tersebut, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan bertitah dan menekankan, persaingan kuasa-kuasa utama yang kian memburuk termasuk di rantau Asia Pasifik, antara lainnya telah mengakibatkan gangguan rangkaian pembekalan global, ketidaktentuan ekonomi,

peningkatan blok *minilateral* dan peralihan perikatan strategik.

Oleh itu, titah baginda, ASEAN perlu memelihara dan mempertahankan perpaduan ASEAN bagi memastikan ASEAN

kekal relevan sebagai satu wadah untuk berdialog secara membina.

Ke arah ini, baginda percaya bahawa ASEAN perlu tekun berusaha untuk melaksanakan ASEAN Outlook on the



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia berkenan berangkat menghadiri Sesi Retreat Sidang Kemuncak ASEAN Ke-42 yang berlangsung di Komodo Ballroom, Meruorah Komodo Convention Center. Berangkat mengiringi baginda ialah paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

MEMPERTINGKATKAN PENYELARASAN, MEMUDAHCARAKAN INISIATIF BIMP-EAGA



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat menghadiri Sidang Kemuncak Kawasan Pertumbuhan ASEAN Timur Brunei Darussalam-Indonesia-Malaysia-Filipina (BIMP-EAGA) Ke-15 yang berlangsung di Komodo Ballroom, Meruorah Komodo Convention Center.

Siaran Akbar : Jabatan Perdana Menteri
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid,
Hernie Suliana Haji Othman, Hos Foto

LABUAN BAJO, REPUBLIK INDONESIA, Khamis, 11 Mei. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam juga berkenan berangkat menghadiri Sidang Kemuncak Kawasan Pertumbuhan ASEAN Timur Brunei Darussalam-Indonesia-Malaysia-Filipina (BIMP-EAGA) Ke-15 yang berlangsung di Komodo Ballroom, Meruorah Komodo Convention Center, hari ini.

Berangkat mengiringi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan

Negara Brunei Darussalam ialah paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Dalam Sidang Kemuncak tersebut, baginda berkenan bertitah dan melahirkan rasa puas hati dengan kerjasama BIMP-EAGA yang terus berkembang maju, meskipun berhadapan dengan pelbagai cabaran sejak tercetusnya pandemik COVID-19.

Tambahan lagi, titah baginda, pembukaan semula sempadan telah memudahkan penyambungan perkhidmatan pengangkutan dan pergerakan bekalan dan penduduk, sekali gus menyediakan peluang-peluang seperti pelancongan dan perdagangan rentas sempadan di sub-serantau ini.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan bergambar ramai pada Sidang Kemuncak BIMP-EAGA Ke-15.

Ke arah ini, projek kerjasama bersama akan mengukuhkan lagi rantai bekalan dan memastikan kawasan pertumbuhan BIMP-EAGA sebagai pusat pengeluaran bagi rantau ini. Ini juga menggariskan kepentingan kesalinghubungan sebagai pemacu pertumbuhan dan aktiviti-aktiviti perekonomian.

Dengan adanya norma baharu dalam melaksanakan perniagaan di era pasca COVID-19, ia adalah penting untuk memajukan digitalisasi melalui projek-projek berkaitan ICT bagi menyejajarkan kerja-kerja BIMP-EAGA yang dilaksanakan di peringkat

ASEAN, termasuk Digital Economy Framework Agreement dan Bandar Seri Begawan Roadmap on Digital Transformation.

Pada mengakhiri titah, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah menyatakan bahawa pemindahan ibu kota Republik Indonesia, iaitu Nusantara, ke Kalimantan akan membuka lebih banyak peluang untuk pertumbuhan dan pembangunan di sub-serantau ini.

Oleh itu, BIMP-EAGA adalah digalakkan untuk



memanfaatkan peluang-peluang tersebut dengan mempertingkatkan penyelaras dan memudahcarakan inisiatif-inisiatif BIMP-EAGA.

Pada penghujung Sidang Kemuncak ini, para pemimpin BIMP-EAGA bersama-sama meluluskan Kenyataan Bersama Sidang Kemuncak BIMP-EAGA Ke-15.



SEKITAR keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang diiringi oleh paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen (kiri dan atas).

NBD, TIMOR-LESTE TEKANKAN KEPENTINGAN KERJASAMA PENDIDIKAN



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat menghadiri Perjumpaan Dua Hala bersama Perdana Menteri Republik Demokratik Timor-Leste, Tuan Yang Terutama Taur Matan Ruak di Meruorah Convention Centre. Berangkat mengiringi baginda ialah paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen (atas dan kanan).

Siaran Akbar : Jabatan Perdana Menteri
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid,
Hernie Suliana Haji Othman



LABUAN BAJO, REPUBLIK INDONESIA, Khamis, 11 Mei. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia



Republik Demokratik Timor-Leste, Tuan Yang Terutama Taur Matan Ruak di Meruorah Convention Centre.

Berangkat mengiringi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Kedua-dua pemimpin

menekankan kepentingan kerjasama pendidikan di antara Negara Brunei Darussalam (NBD) dan Republik Demokratik Timor-Leste, termasuk program biasiswa.

Tuan Yang Terutama juga turut menzhirkan kegembiraan atas pemeteraian Perjanjian Perkhidmatan Udara di antara kedua-dua buah negara, yang penting bagi meningkatkan pelancongan.

Di samping itu, Kebawah

Duli Yang Maha Mulia turut menyampaikan undangan kepada TYT Presiden Republik Demokratik Timor-Leste bagi mengadakan lawatan ke NBD.

Hubungan diplomatik di antara NBD dan Republik Demokratik Timor-Leste telah dijalankan pada 20 Mei 2002, dengan kerjasama dua hala adalah tertumpu kepada bidang pendidikan dan latihan, serta perkhidmatan udara.

Terokai peluang kerjasama dalam bidang tenaga, pertanian



LABUAN BAJO, REPUBLIK INDONESIA, Khamis, 11 Mei. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat menghadiri Perjumpaan Dua Hala bersama Perdana Menteri Republik Demokratik Rakyat Lao, Tuan Yang Terutama Sonexay Siphandone di Meruorah Convention Centre.

Berangkat mengiringi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Kedua-dua pemimpin menekankan perkembangan yang baik dalam kerjasama di antara Negara Brunei Darussalam (NBD) dan Republik Demokratik Rakyat Lao, termasuk dalam bidang pendidikan dan pertukaran antara rakyat.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat menghadiri Perjumpaan Dua Hala bersama Perdana Menteri Republik Demokratik Rakyat Lao, Tuan Yang Terutama Sonexay Siphandone di Meruorah Convention Centre. Berangkat mengiringi baginda ialah paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen (atas dan atas kiri).

Kedua-dua pemimpin juga mengalau-alukan perkembangan kerjasama dalam bidang tenaga dan pertanian, khususnya pembekalan beras.

Menjelang Ulang Tahun Ke-30 Hubungan Diplomatik di antara kedua-dua buah negara pada

tahun 2023, Tuan Yang Terutama menyampaikan undangan ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia untuk mengadakan Keberangkatan Negara ke Republik Demokratik Rakyat Lao bagi memperingati pencapaian ini.

Hubungan diplomatik di antara NBD dan Republik Demokratik Rakyat Lao mula terjalin pada 27 Julai 1993, dengan kedua-dua buah negara bekerjasama secara meluas dalam bidang pendidikan dan bantuan teknikal, kebudayaan, beliau dan sukan.

Berangkat hadiri Majlis Santap Malam

Siaran Akbar : Jabatan Perdana Menteri
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid,
Hernie Suliana Haji Othman, Hos Foto



LABUAN BAJO, REPUBLIK INDONESIA, Rabu, 10 Mei. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang

Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, malam ini berkenan berangkat menghadiri Majlis Santap Malam yang dihoskan oleh Presiden Republik Indonesia, Tuan Yang Terutama Joko Widodo selaku Pengerusi ASEAN.

Berangkat mengiringi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri



Pengiran Muda 'Abdul Mateen. Majlis Santap Malam yang berlangsung di AYANA Komodo

Waeciu Beach berkenaan adalah bagi mengalau-alukan kehadiran Ketua-ketua Negara dan Kerajaan ASEAN yang menghadiri Sidang Kemuncak ASEAN Ke-42 dan majlis ini turut diserikan dengan persembahan kebudayaan.

Terdahulu sebelum itu,

pada lewat sebelah petang, Kebawah Duli Yang Maha Mulia berangkat bersama para Pemimpin ASEAN lainnya menaiki sebuah kapal phinisi AYANA Lako di'a untuk menyusuri sekitar Pulau Bidadari yang terletak di sebelah barat Labuan Bajo.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat menghadiri Majlis Santap Malam yang dihoskan oleh Presiden Republik Indonesia, Tuan Yang Terutama Joko Widodo selaku Pengerusi ASEAN (kiri). Manakala gambar atas, Kebawah Duli Yang Maha Mulia berangkat bersama para Pemimpin ASEAN lainnya menaiki sebuah kapal phinisi AYANA Lako di'a untuk menyusuri sekitar Pulau Bidadari yang terletak di sebelah barat Labuan Bajo.

BELIA MAMPU MENYUMBANG PENCAPAIAN SDGS



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat bagi menghadiri ASEAN Leaders' Interface with Representatives of ASEAN Youth yang berlangsung di Meruorah Convention Centre.

LABUAN BAJO, REPUBLIK INDONESIA, Rabu, 10 Mei. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin

Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, hari ini berkenan

berangkat bagi menghadiri ASEAN Leaders' Interface with Representatives of ASEAN Youth yang berlangsung di Meruorah Convention Centre.

Pada sesi ini, Kebawah Duli Yang Maha Mulia bertitah menzahirkan kegembiraan dengan momentum yang berterusan untuk menyediakan ruang dan sokongan kepada

para belia untuk menyumbangkan usaha terhadap pembangunan ASEAN yang berdaya tahan dan dinamik.

Ke arah ini, titah baginda, ASEAN memuji ASEAN-Youth Dialogue yang telah bersidang pada bulan April lalu, yang bertujuan untuk menjadikan pembangunan digital adil saksama dan inklusif di Asia Tenggara ke arah mencapai Matlamat Pembangunan Mampan (Sustainable Development Goals - SDGs).

Justeru, para belia mempunyai peranan yang penting dalam memajukan dan memacu usaha-usaha bagi pencapaian SDGs, di mana mereka lebih mahir dalam penggunaan teknologi.

Pada mengakhiri titah, baginda menggalakkan ASEAN untuk terus menyediakan peluang-peluang kepada belia bagi memanfaatkan potensi mereka dan menyumbang ke arah mencapai SDGs serta merealisasikan ASEAN

Community Vision 2025.

Semasa sesi ini juga, para Pemimpin ASEAN dan perwakilan Belia ASEAN antara lainnya membincangkan mengenai peranan belia sebagai pemimpin masa depan ke arah meningkatkan pembangunan mampan di rantau ini.

Semasa ASEAN Leaders' Interface With Representatives of ASEAN Youth, Negara Brunei Darussalam telah diwakili oleh Awang Muhammad Zainul-Akhyar bin Amer Hairunuddin dari Jabatan Perdana Menteri dan Dayang Siti Rafhanah binti Haji Nor Hasnul, mahasiswa Universiti Teknologi Brunei.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika berkenan mengurniakan titah (kiri), manakala gambar kanan, semasa ASEAN Leaders' Interface With Representatives of ASEAN Youth, NBD diwakili oleh Awang Muhammad Zainul-Akhyar bin Amer Hairunuddin dari Jabatan Perdana Menteri dan Dayang Siti Rafhanah binti Haji Nor Hasnul, mahasiswa Universiti Teknologi Brunei.



NBD, MALAYSIA PERKUKUH HUBUNGAN DALAM BIDANG BERKEPENTINGAN BERSAMA



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat menghadiri Perjumpaan Dua Hala bersama Perdana Menteri Malaysia, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar Ibrahim di Meruorah Convention Centre. Berangkat mengiringi baginda ialah paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen (atas dan atas kanan).

Siaran Akbar : Jabatan Perdana Menteri
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid,
Hernie Suliana Haji Othman

LABUAN BAJO, REPUBLIK INDONESIA, Rabu, 10 Mei. - Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Kebawah Duli Yang Maha Waddien, Sultan dan Yang Mulia Paduka Seri Baginda Di-Pertuan Negara Brunei Sultan Haji Hassanal Bolkiah Darussalam, hari ini berkenan berangkat menghadiri



Perjumpaan Dua Hala bersama Perdana Menteri Malaysia, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar Ibrahim di Meruorah Convention Centre.

Berangkat mengiringi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Semasa perjumpaan ini,

kedua-dua pemimpin telah berbincang mengenai langkah-langkah untuk memperkuatkkan lagi hubungan kerjasama dua hala dalam bidang-bidang berkepentingan bersama kepada Negara Brunei Darussalam dan Malaysia termasuk melalui Perundingan Tahunan Ketua-ketua Kerajaan antara kedua-dua buah negara.

Hubungan akrab di antara Negara Brunei Darussalam dan Malaysia telah lama terjalin




sejak Januari 1984 di mana bidang-bidang kerjasama utama adalah dalam bidang perdagangan dan pelaburan, pertahanan, pendidikan, pelancongan, kesalinghubungan dan kesihatan.

Perjumpaan Dua Hala bincang kerjasama pelbagai bidang



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat menghadiri Perjumpaan Dua Hala bersama Perdana Menteri Republik Sosialis Viet Nam, Tuan Yang Terutama Pham Minh Chinh di Meruorah Convention Centre. Berangkat mengiringi baginda ialah paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen (atas dan atas kanan).

LABUAN BAJO, REPUBLIK INDONESIA, Rabu, 10 Mei. - Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan



Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, hari ini berkenan berangkat menghadiri Perjumpaan Dua Hala bersama Perdana Menteri Republik Sosialis Viet Nam, Tuan Yang Terutama Pham Minh Chinh di Meruorah Convention Centre.

Berangkat mengiringi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah Duli Yang

Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Kedua-dua pemimpin antara lainnya berbincang mengenai kerjasama dua hala di bawah Plan of Action to Implement the Comprehensive Partnership for 2023 - 2027 between Brunei Darussalam and the Socialist Republic of Viet Nam termasuk dalam bidang tenaga, produk halal, pelancongan, serta pertukaran antara rakyat.

Kebawah DYMM dan Tuan Yang Terutama juga

mengalu-alukan untuk meneroka peluang bagi memperkuatkkan lagi kerjasama dua hala di antara kedua-dua buah negara.

Hubungan diplomatik di antara Negara Brunei Darussalam dan Republik Sosialis Viet Nam mula terjalin pada 29 Februari 1992, di mana kedua-dua buah negara bekerjasama secara meluas dalam bidang perdagangan, tenaga, pendidikan, akuakultur, dan pertukaran antara rakyat.

ASEAN PERLU UTAMAKAN PERANAN BELIA



Siaran Akbar : Jabatan Perdana Menteri

Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid,
Hernie Suliana Haji Othman, Hos Foto



LABUAN BAJO, REPUBLIK INDONESIA, Rabu, 10 Mei. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah bahawa ASEAN perlu mengutamakan isu-isu yang akan memainkan peranan penting demi masa depan serantau, khususnya golongan belia.

Oleh itu, tegas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri

Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, ASEAN harus menyediakan lebih banyak peluang dan meningkatkan interaksi di antara para belia agar mereka dapat menyumbang kepada usaha-usaha pembangunan Komuniti dengan jayanya.

Justeru, Kebawah DYMM gembira dengan sokongan daripada Negara-negara Anggota ASEAN bagi ASEAN Junior Fellowship Programme yang dicadangkan pada tahun 2021 dan bertujuan untuk meningkatkan kefahaman para belia mengenai kerja-kerja di bawah ASEAN telah berkembang maju.

Kebawah DYMM bertitah demikian pada Majlis Pembukaan dan Sesi Plenari Sidang Kemuncak ASEAN Ke-42 yang

berlangsung di Komodo Ballroom, Meruorah Convention Centre.

Baginda seterusnya bertitah mengalui-alukan penglibatan Timor-Leste dalam program berkenaan bermula pada tahun ini.

Perlindungan dan pemeliharaan alam sekitar demi generasi masa hadapan titah baginda, juga perlu

diberikan tumpuan di mana aktiviti-aktiviti pembangunan mengakibatkan kesan-kesan yang menjadikan kepada ekosistem seperti pencemaran

dan kehilangan biodiversiti yang menyebabkan impak perubahan iklim di rantau ini bertambah buruk.

>> Muka 10

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berbual mesra bersama Presiden Republik Indonesia, Tuan Yang Terutama Joko Widodo.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan bergambar ramai bersama Ketua-ketua Negara dan Kerajaan ASEAN serta Republik Demokratik Timor-Leste.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat menghadiri Majlis Pembukaan dan Sesi Plenari Sidang Kemuncak ASEAN Ke-42 (kiri dan atas).

>> Muka 9
Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Majlis yang juga dihadiri oleh Ketua-ketua Negara dan Kerajaan ASEAN serta Republik Demokratik Timor-Leste berkenan dimulakan dengan lagu tema ASEAN, 'The ASEAN Way' dan ucapan pembukaan daripada TYT Presiden Republik Indonesia selaku Pengerusi ASEAN tahun ini, di mana Tuan Yang Terutama mengalukan kehadiran para pemimpin dan delegasi ke Labuan Bajo bagi menghadiri Sidang Kemuncak ASEAN Ke-42.

Ini diikuti dengan ucapan daripada Perdana Menteri Republik Demokratik Timor-Leste, Tuan Yang Terutama Taur Matan Ruak.

Sesi Plenari berkenan juga membincangkan mengenai isu-isu berkaitan pembangunan Komuniti ASEAN, dengan tumpuan kepada tema Sidang Kemuncak pada tahun ini, iaitu 'ASEAN Matters: Epicentrum of Growth'.

Pada penghujung Sesi Plenari berkenaan, ASEAN Leaders' Statement on the Development of the ASEAN Community's Post-2025 Vision; ASEAN Leaders' Statement on the Strengthening of ASEAN's Capacity and Institutional Effectiveness; ASEAN Leaders' Declaration on Combating Trafficking in Persons Caused by the Abuse of Technology; ASEAN Leaders' Declaration on Developing Regional Electric Vehicle Ecosystem; ASEAN Leaders' Declaration on Advancing Regional Payment Connectivity and Promoting Local Currency Transaction; ASEAN Leaders' Declaration on the Protection of Migrant Workers and Family Members in Crisis Situation; ASEAN Leaders' Declaration on One Health Initiative; ASEAN Leaders' Statement on the Establishment of an ASEAN Villages Network; ASEAN Declaration On The Placement and Protection Of Migrant Fishers; and Roadmap for Timor-Leste's Membership in ASEAN and its Annexes diluluskan.

Pada tahun ini, Timor-Leste buat pertama kalinya menghadiri Sidang Kemuncak ASEAN, yang mana para Pemimpin ASEAN semasa Sidang Kemuncak ASEAN Ke-40 dan Ke-41 pada bulan November lepas di Kembangka. Terdahulu, keberangkatan tiba Kebawah DYMM di pekarangan Meruorah Convention Centre dialu-alukan oleh TYT Joko Widodo.

cabaran masa hadapan.

Terdahulu sebelum itu, Presiden Republik Indonesia, Tuan Yang Terutama Joko Widodo dalam ucapannya, antara lain menekankan bahawa ASEAN harus memfokuskan usaha kepada pengukuhkan perpaduan di dalam persaingan geopolitik yang semakin hebat.

Di samping itu jelas TYT Joko Widodo, ASEAN juga perlu berusaha ke arah menjadikan peralihan tenaga sebagai satu keutamaan bagi mencapai kestabilan kewangan, di samping terus memperkuatkan One Health Initiative dengan meningkatkan pelaburan dalam penyelidikan dan pembekalan peralatan perubatan dan ubat-ubatan.

Terdahulu, keberangkatan tiba Kebawah DYMM di pekarangan Meruorah Convention Centre dialu-alukan oleh TYT Joko Widodo.

Berangkat mengiringi Kebawah DYMM ialah paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia

Perdana Menteri Republik Demokratik Timor-Leste, Tuan Yang Terutama Taur Matan Ruak yang hadir buat pertama kalinya ke Sidang Kemuncak ASEAN.

Baginda juga menzahirkan ucapan tahniah kepada Perdana Menteri Kembangka, Tuan Yang Terutama Hun Sen, kerana negara berkenaan menghoskan Sukan Asia Tenggara (SEA Games) buat pertama kalinya pada tahun ini.

Sejak penubuhan ASEAN sekitar 60 tahun yang lalu, Kebawah DYMM menekankan bahawa prinsip dan asas ke arah mencapai hasrat bersama ASEAN bagi memastikan keamanan, keselamatan dan kemakmuran di rantau Asia Tenggara adalah untuk terus kekal relevan.

Pada mengakhiri titah, Kebawah DYMM menggariskan kepentingan ASEAN SHIELD, yang menekankan keperluan untuk pendekatan Whole-of-ASEAN, meningkatkan penyelaras secara cross-cultural, dan untuk bersiap siaga bagi menangani pelbagai

Ke arah ini tambah titah Kebawah DYMM, penubuhan ASEAN Centre for Climate Change di Negara Brunei Darussalam pada tahun ini adalah diharapkan untuk dapat menghasilkan penyelesaian secara inovatif dan cadangan dasar bagi menangani isu-isu berkenaan.

Di samping itu, Kebawah DYMM bertitah menggesa agar ASEAN memastikan kesiapsiagaan rantau ini dalam menghadapi kecemasan dan bencana dengan mengambil pendekatan yang lebih bersepdua dan strategik untuk melindungi pertumbuhan serantau dan pembangunan ekonomi, sementara rantau ini masih lagi meneruskan pemuliharaan daripada pandemik COVID-19.

Terdahulu dalam titah, baginda mengalukan Perdana Menteri Malaysia, Yang Amat Berhormat Dato'Seri Anwar Ibrahim; Perdana Menteri Republik Demokratik Rakyat Lao, Tuan Yang Terutama Sonexay Siphandone; dan

BERANGKAT TIBA DI LABUAN BAJO, REPUBLIK INDONESIA



Siaran Akbar : Jabatan Perdana Menteri
Foto : Mohammad Hafiz Hazmi Awang Abdul Hamid, Hernie Suliana Haji Othman



LABUAN BAJO, REPUBLIK INDONESIA, Rabu, 10 Mei. - Kebawah Duli Yang Maha

Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berangkat tiba di Labuan Bajo, Republik Indonesia bagi menghadiri Sidang Kemuncak ASEAN Ke-42. Berangkat mengiringi baginda ialah paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen (atas kiri dan atas).

menghadiri Sidang Kemuncak ASEAN Ke-42.

Berangkat mengiringi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara

Brunei Darussalam ialah paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Keberangkatan tiba Kebawah DYMM di Lapangan Terbang Komodo-Labuan Bajo dijunjung oleh Menteri Pekerjaan Umum dan Perumahan Rakyat, Yang Terhormat Dr. Ir. Mochamad Basuki Hadimuljono, selaku Menteri Pengiring.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berangkat tiba di Labuan Bajo, Republik Indonesia bagi menghadiri Sidang Kemuncak ASEAN Ke-42. Berangkat mengiringi baginda ialah paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen (atas kiri dan atas).

menghadiri Sidang Kemuncak ASEAN Ke-42.

Berangkat mengiringi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara



MAJLIS Doa Kesukuran bagi meraikan kepulangan empat orang anggota kontinjen Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) yang menyertai penugasan sebagai Ahli Independent Decommissioning Body, Verification, Monitoring and Assistance Team 4/2022 (IDB VMAT 4/2022) di Mindanao, Republik Filipina diadakan di Surau Ad-Difa' Bolkiah Garison dan hadir pada majlis tersebut, Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II (atas) manakala gambar bawah, Yang Berhormat bergambar ramai pada majlis tersebut.

DOA KESYUKURAN RAIKAN 4 KONTINJEN IDB VMAT 4/2022



Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 11 Mei. - Majlis Doa Kesukuran bagi meraikan kepulangan empat orang anggota kontinjen Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) yang menyertai penugasan sebagai Ahli Independent Decommissioning Body, Verification, Monitoring and Assistance Team 4/2022 (IDB VMAT 4/2022) di Mindanao,

Republik Filipina diadakan di Surau Ad-Difa' Bolkiah Garison pada hari ini.

Kontinjen yang diketuai oleh Lettenan Kolonel Hairin bin Japar kembali ke Negara Brunei Darussalam pada 3 Mei 2023.

Hadir pada majlis berkenaan dan seterusnya menyempurnakan penyampaian Sijil Penghargaan

kepada ahli-ahli kontinjen, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejor Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof.

Turut hadir, Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Mejor Jeneral Dato Paduka Seri Haji Muhammad Haszaimi bin Bol Hassan; Pemangku Setiausaha Tetap, Pemerintah-pemerintah Angkatan

Tentera, Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap, Pengarah-pengarah, Komandan-komandan, para pegawai dan staf Kementerian Pertahanan dan ABDB.

ABDB mengikuti IDB VMAT sejak tahun 2019 untuk mendukung proses damai di Mindanao, dan merupakan komitmen Negara Brunei Darussalam ke arah keamanan dan kestabilan serantau dan antarabangsa, selaras dengan aspirasi negara seperti yang digariskan di dalam Kertas Putih

Pertahanan.

Baru-baru ini, empat orang pegawai ABDB dihantar bertugas sebagai Ahli IDB VMAT 5/2023 bagi meneruskan misi berkenaan.

Majlis dimulakan dengan bacaan Sayyidul Istighfar, Surah Al-Fatiha, Tadarus Al-Quran, Surah Yaa Siin dan Asmaul Husna yang diketuai oleh 1113 Pegawai dari Jabatanarrah Agama ABDB, Kapten Md. Farid bin Md. Raffi.

Bagi menyertai lagi acara pada petang berkenaan, tazkirah bertajuk 'Menzahirkan Rasa Syukur' disampaikan oleh Guru Ugama Jabatanarrah Agama ABDB, Nur Amin bin Jali.

Isi tazkirah antara lainnya menyentuh mengenai bersyukur yang merupakan salah satu rasa yang wujud hasil daripada keimanan kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala.

Menurut Nur Amin, dengan bersyukur kita akan menjadi orang yang bertakwa.

Syukur katanya lagi adalah menikmati dan meyakini bahawa setiap hal yang kita miliki dan dapatkan merupakan kurnia dari Allah Subhanahu Wata'ala.

Nur Amin seterusnya menjelaskan, setiap hal yang kita dapatkan bukan daripada apa yang kita kerjakan dan usahakan tapi, segala sesuatu adalah atas kurnia Allah Subhanahu Wata'ala sehingga kita dapat menikmati hasilnya.

"Dengan mensyukuri setiap halnya, Allah Subhanahu Wata'ala akan menambahkan nikmat dan anugerahnya," ujarnya lagi.

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 11 Mei. - Bersempena Sambutan Hari Jururawat dan Bidan Antarabangsa Tahun 2023M / 1444H, Kementerian Kesihatan mengadakan Majlis Doa Selamat, Membaca Surah Yaa Siin, Tahlil serta Sembahyang Fardu Maghrib dan Isyak Berjemaah, hari ini.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis yang berlangsung di Masjid Sultan Sharif Ali, Sengkurong, di sini ialah Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar.

Majlis dimulakan dengan menunaikan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah dan Bacaan Surah Yaa Siin serta Tahlil. Kemudiannya, majlis diteruskan dengan menunaikan Sembahyang Fardu Isyak Berjemaah dan Dikir Marhaban bagi meraikan saudara-saudara baharu dan juga penyampaian cenderahati kepada

saudara-saudara baharu. Majlis diakhiri dengan Doa Khas sempena Hari Jururawat dan Bidan Antarabangsa 2023 yang dibacakan oleh Ketua Unit Perkhidmatan Ugama Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha, Haji Nor Aslin bin Haji Putting.

Turut hadir pada majlis tersebut ialah Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan, Haji Maswadi bin Haji Mohsin; Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Pengurusan), Haji Kamarul Azam bin Haji Mohamad; Pemangku Ketua

Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan, Pengiran Dr. Haji Khalifah bin Pengiran Haji Ismail, Ketua-ketua Jabatan, berserta pegawai-pegawai dan kakitangan di Kementerian Kesihatan.

Doa Selamat, Tahlil sempena Hari Jururawat, Bidan Antarabangsa

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said



SISTEM KESIHATAN DIPERKUKUH, SIAP SIAGA TANGANI CABARAN KESIHATAN GLOBAL

>> Muka 1

Tema Sambutan INMD pada tahun ini ialah 'Our Nurses. Our Future.' di mana tema tersebut disediakan oleh International Council of Nurses (ICN) dan ia merupakan sebuah kempen yang dilaksanakan di seluruh dunia bagi kesiapsiagaan jururawat pada masa hadapan dalam menangani pelbagai cabaran kesihatan global dan meningkatkan kesihatan global untuk semua.

Perkara berkenaan dikongsikan oleh Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar dalam perutusannya sempena Hari Jururawat dan Bidan Antarabangsa 2023 dengan tema 'Jururawat kita, Masa Depan Kita'.

Yang Berhormat seterusnya berkata, kempen berkenaan juga diharapkan untuk menggariskan kepentingan bagi sesebuah negara, penggubal dasar dan semua yang membuat keputusan dalam pembiayaan dan penjagaan kesihatan untuk melabur kepada bidang kejururawatan dan bidan ke arah masa depan yang lebih cerah.

Selain itu tambah Yang Berhormat, kempen berkenaan juga akan melihat bagaimana kita perlu mengukuhkan sistem kesihatan untuk menangani permintaan kesihatan global yang semakin meningkat.

"Jururawat dan Bidan adalah

pendukung kepada sistem kesihatan di dalam sesebuah negara. Profesional ini bukan saja profesion yang sangat mulia, memerlukan kesabaran dan dedikasi yang tinggi, malahan adalah satu aset yang utama yang perlu dilindungi, dihormati dan dihargai.

"Profesional ini telah banyak berkembang, daripada memberi perkhidmatan *bedside nursing care* kepada jenis tugas-tugas yang lebih kepada *highly technical* dan *advanced*.

"Walaupun lebih ramai jururawat dan bidan mempunyai latar belakang pendidikan atau *qualification* yang lebih tinggi dari sebelum ini seperti di peringkat Ijazah Sarjana Muda, Ijazah Sarjana mahupun ke peringkat Doktor Falsafah, namun sistem perkhidmatan penjagaan kesihatan juga kian pesat berkembang dan pastinya akan menempuh pelbagai cabaran," kata Yang Berhormat.

Dengan kecenderungan penggunaan teknologi maklumat (IT) dan internet di era global ini jelas Yang Berhormat, klien dan keluarga terdedah kepada pengetahuan berkaitan dengan kesihatan dan perubatan yang mana, ini akan membantu mereka di dalam membuat keputusan di dalam penjagaan kesihatan mereka.

Justeru, terang Yang Berhormat, jururawat dan bidan perlu sentiasa *up-to-date* mengikut trend

teknologi perubatan terkini bagi mencapai harapan klien yang semakin meningkat.

Jururawat dan bidan ujar Yang Berhormat bukan sahaja perlu fokus kepada penjagaan klien semata-mata tetapi juga kepada keluarga keseluruhannya.

Yang Berhormat seterusnya berkata, di samping kompeten dalam mengaplikasikan pengetahuan, kemahiran dan teknologi, jururawat dan bidan juga perlu prihatin kepada nilai-nilai sosial, naluri kemanusiaan dan etika kejururawatan perlulah dikenalkan pada setiap masa.

"Pihak Kementerian Kesihatan akan sentiasa berusaha untuk memperkuatkannya lagi perkhidmatan - perkhidmatan kejururawatan di negara ini.

"Antara inisiatif yang telah dilaksanakan adalah meningkatkan pembangunan profesional kejururawatan dengan berkolaborasi dengan pihak-pihak yang berkepentingan bagi menyediakan Jururawat yang berpengetahuan tinggi, kompeten dan sentiasa menekankan kepada kecemerlangan dan berkualiti.

"Melaksanakan Kursus Kepimpinan yang intensif bagi menyediakan jururawat dengan ilmu kepimpinan dalam usaha untuk memantapkan jururawat di negara untuk lebih dinamik dan inovatif yang bukan hanya sekadar responsif terhadap keperluan semasa malah sentiasa siap

Siaran Akhbar dan Foto :
Kementerian Kesihatan

siaga menangani cabaran mendatang dan berterusan peka serta mengambil kira akan sebarang perubahan paradigma dan epidemiologi yang boleh mempengaruhi penjagaan kesihatan di peringkat setempat mahupun serantau dan sejagat," terang Yang Berhormat.

Dalam hal ini jelas Yang Berhormat, Kementerian Kesihatan juga mempunyai perancangan ke arah penyediaan jururawat dan bidan pakar atau 'Advanced Practice Nurse' pada masa akan datang demi menangani cabaran kesihatan dan perawatan pada masa hadapan.

Yang Berhormat juga menjelaskan dalam meningkatkan lagi pembangunan profesional kejururawatan dan bidan, Kementerian Kesihatan pada masa ini menyediakan satu sistem pemantauan klinikal jururawat yang lebih komprehensif dengan menekankan *Patient Safety* di setiap perlaksanaan penjagaan dan perawatan kepada pesakit selaras dengan dasar-dasar yang disediakan oleh Kementerian Kesihatan.

Selain melibatkan diri dalam *patient safety* tambah Yang Berhormat, jururawat dan bidan juga disarankan untuk meningkatkan pengetahuan dan mengamalkan *evidence-based practice*, membuat inisiatif untuk menjalankan penyelidikan dan



YANG Berhormat Menteri Kesihatan dalam perutusannya sempena Hari Jururawat dan Bidan Antarabangsa 2023.

mempraktikkannya kepada penjagaan kesihatan yang inovatif dan selamat demi mencapai tahap penjagaan yang terbaik untuk pesakit.

"Untuk mengakhiri, Kementerian Kesihatan menyeru kepada jururawat dan bidan agar lebih aktif dalam penglibatan bagi meningkatkan kualiti perawatan dan keselamatan pesakit di negara ini.

"Selain itu ditekankan untuk mengambil perhatian yang serius akan kepentingan pembangunan kapasiti profesional kejururawatan yang merupakan tulang belakang dan nadi utama sistem kesihatan negara ini bagi menayuh cabaran dalam mempersiapkan diri bagi menangani kesihatan global yang sentiasa berubah bersesuaian dengan tema 'Our Nurses. Our Future', ujar Yang Berhormat mengakhiri perutusannya.

Potensi cuaca panas, kering beberapa bulan ke depan

Siaran Akhbar dan Infografik : Jabatan Kajicuaca Brunei Darussalam

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 12 Mei. - Pertubuhan Kajicuaca Sedunia (WMO) telah mengumumkan bahawa kemungkinan El-Nino berkembang pada separuh kedua tahun ini adalah semakin meningkat.

Kebanyakan pusat iklim antarabangsa bersetuju bahawa terdapat kira-kira 60 peratus kemungkinan El-Nino berkembang pada bulan Mei hingga Julai 2023, dan akan meningkat kepada kira-kira 70 hingga 80 peratus pada bulan Jun hingga bulan September 2023.

El-Nino ialah fenomena yang berlaku apabila suhu permukaan laut di kawasan tropika Lautan Pasifik menjadi lebih panas daripada biasanya. Ia juga dikenali sebagai 'fasa panas' kitaran El-Nino Southern Oscillation (ENSO).

Fenomena ini berlaku setiap

3 hingga 7 tahun secara purata, dan cenderung memuncak semasa musim sejuk Hemisfer Utara (Disember hingga Februari).

Semasa episod El-Nino, gangguan sementara terhadap corak cuaca tempatan dijangka berlaku di seluruh dunia, termasuk di Negara Brunei Darussalam (NBD).

Kesan El-Nino kepada negara kita termasuklah aktiviti hujan yang berkurangan dengan peningkatan suhu udara dan kelembapan relatif yang rendah.

Keadaan cuaca kering dan panas dijangka berlaku dalam beberapa bulan yang akan datang dengan berkemungkinan peningkatan suhu maksima harian mencecah 34 darjah Celsius atau lebih pada waktu petang.

Cuaca Panas Melampau (EHW) atau biasa dikenali sebagai kejadian gelombang haba di NBD.

cenderung berlaku semasa episod El-Nino. EHW berlaku apabila suhu maksima harian merekodkan sekurang-kurangnya 35 darjah Celsius selama tiga hari berturut-turut.

Kejadian EHW terakhir yang berlaku di NBD ialah semasa episod El-Nino pada 28 hingga 30 September 2019.

Mengambil kira kemungkinan berlakunya El-Nino, Jabatan Kajicuaca Brunei Darussalam ingin menasihatkan orang ramai supaya mengambil sebarang langkah berjaga-jaga dan keselamatan serta mematuhi mana-mana garis panduan daripada Kementerian Kesihatan berhubung dengan keadaan cuaca panas.

Pihak jabatan akan terus memantau keadaan cuaca dari semasa ke semasa, dan akan mengeluarkan nasihat dan amaran cuaca jika perlu.



Suhu maksima harian yang diperhatikan

≥35.0°C

selama tiga hari berturut-turut

Walau bagaimanapun, Negara Brunei Darussalam dikatakan mengalami **cuaca panas yang luar biasa** apabila suhu maksima harian mencapai sehingga 34.0°C. Suhu maksimum biasanya berlaku antara 12 tengahari hingga 3 petang.

bruneiweather **@brunei.weather** **Weather Line 114** **www.met.gov.bn**

Maklumat, nasihat dan amaran cuaca terkini boleh diterima dengan lebih mudah melalui aplikasi bimbitt kami iaitu Brunei WX, kerana maklumat nasihat dan amaran cuaca dapat diterima terus sebaik sahaja nasihat atau amaran terkini dikeluarkan. Selain itu, maklumat cuaca terkini juga boleh diperoleh dengan menghubungi peramal cuaca yang bertugas di Pusat Ramalan Cuaca, melalui Talian Cuaca 114, atau melayari laman sesawang www.met.gov.bn atau melalui laman Facebook (@bruneiweather), Instagram (@brunei.weather) dan saluran Telegram kami (Brunei Weather).

Majlis Pelancaran Memulakan Bacaan Ayat-ayat Suci Al-Quran Majlis Khatam Al-Quran 77 Kali Khatam



BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 11 Mei. - Majlis Pelancaran Memulakan Bacaan Ayat-ayat Suci Al-Quran Majlis Khatam Al-Quran 77 Kali Khatam Ahli-ahli Majlis Perundingan Mukim dan Kampung, Penuntut-penuntut Sekolah dan Institusi-institusi Pengajian Tinggi Seluruh Negara sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Yang Ke-77 Bagi Tahun 2023.

Terdahulu, majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatiyah beramai-ramai dan seterusnya pembacaan ayat-ayat suci Al-Quran bermula dari Juz Pertama. Majlis diakhiri dengan bacaan Doa Selamat.

Peserta-peserta bagi pembacaan ayat-ayat suci Al-Quran adalah terdiri daripada Ahli-ahli Majlis Perundingan Mukim dan Kampung, penuntut-penuntut sekolah dan institusi-institusi pengajian tinggi di keempat-empat

daerah mengikut Kategori Dewasa Lelaki, Dewasa Wanita, Belia dan Beliananis (berumur 13 tahun hingga 20 tahun) yang terpilih dan mewakili Mukim dan Kampung termasuk penuntut-penuntut Institut Tahfiz Al-Quran Sultan

YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Pelancaran Memulakan Bacaan Ayat-ayat Suci Al-Quran Majlis Khatam Al-Quran 77 Kali Khatam Ahli-ahli Majlis Perundingan Mukim dan Kampung, Penuntut-penuntut Sekolah dan Institusi-institusi Pengajian Tinggi Seluruh Negara (kiri), manakala gambar bawah, antara pelajar yang hadir pada majlis berkenaan.

Haji Hassanal Bolkiah, Sekolah Arab dan Skim Tilawah Al-Quran remaja dan kanak-kanak lelaki dan perempuan yang berumur 12 tahun ke bawah yang mewakili Sekolah-sekolah Arab, Sekolah-sekolah Ugama dan Skim Khatam Al-Quran di bawah umur 10 tahun serta penuntut-penuntut



Daerah Tutong



Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin
Foto : Alishahrin Haji Mumin

TUTONG, Khamis, 11 Mei. - Majlis Pelancaran Memulakan Bacaan Ayat-ayat Suci Al-Quran 77 Kali Khatam Ahli-ahli Majlis Perundingan Mukim dan Kampung, Penuntut-penuntut Sekolah dan Institusi-institusi Pengajian Tinggi Seluruh Negara sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Yang Ke-77 Bagi Tahun 2023 diadakan

petang tadi bertempat di masjid-masjid terpilih di setiap daerah.

Bagi Daerah Tutong, Majlis Pelancaran Memulakan Bacaan Ayat-ayat Suci Al-Quran 77 Kali Khatam berkenaan diadakan di Masjid Pengiran Anak Haji Mohammed Alam, Kampung Sengkarai, di sini.

Hadir, Pemangku Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan.



YANG Mulia Pemangku Menteri Hal Ehwal Ugama hadir pada majlis berkenaan (atas), manakala gambar kiri, sebahagian yang hadir pada Majlis Pelancaran Memulakan Bacaan Ayat-ayat Suci Al-Quran 77 Kali Khatam Ahli-ahli Majlis Perundingan Mukim dan Kampung, Penuntut-penuntut Sekolah dan Institusi-institusi Pengajian Tinggi Seluruh Negara yang diadakan di Masjid Pengiran Anak Haji Mohammed Alam, Kampung Sengkarai.

Atur cara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatiyah beramai-ramai, diikuti dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran bermula dari Juz Pertama dan diakhiri dengan bacaan Doa Selamat.

Para peserta bagi pembacaan ayat-ayat suci Al-Quran adalah terdiri daripada Ahli-ahli Majlis Perundingan Mukim dan Kampung, para penuntut sekolah dan institusi-institusi pengajian tinggi di keempat-empat daerah mengikuti Kategori Dewasa Lelaki, Dewasa Wanita, Belia dan Beliananis (berumur 13 hingga 20

tahun) yang terpilih dan mewakili Mukim dan Kampung termasuk para penuntut Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Sekolah Arab dan Skim Tilawah Al-Quran remaja dan kanak-kanak lelaki dan perempuan yang berumur 12 tahun ke bawah yang mewakili sekolah-sekolah Arab, sekolah-sekolah ugama dan Skim Khatam Al-Quran di bawah umur 10 tahun serta para penuntut sekolah di bawah Kementerian Pendidikan dan institusi-institusi pengajian tinggi.

Juga hadir, Yang Berhormat

Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara, Pemangku Pegawai Daerah Tutong, Ketua Pegawai Ugama Daerah Tutong, ketua-ketua jabatan dan para pegawai kanan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Kementerian Hal Ehwal Ugama dan Kementerian Pendidikan, Penghulu-penghulu Mukim, Ketua-ketua Kampung, Ahli-ahli Majlis Perundingan Mukim dan Kampung serta para pegawai dan kakitangan Jabatan Daerah Tutong, para pegawai ugama, bilal-bilal, Ahli-ahli Takmir Masjid dan anak-anak buah kampung.

Daerah Brunei dan Muara

Oleh : Aimi Sani
Foto : Masri Osman

sekolah di bawah Kementerian Pendidikan dan Institusi-Institusi Pengajian Tinggi.

Turut hadir, Setiausaha-setiausaha Tetap, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) dan Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Timbalan Setiausaha Tetap KHEDN, Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap KHEDN; Pegawai Daerah Brunei dan Muara; Ketua-ketua Jabatan dan Pegawai-pegawai Kanan KHEDN, KHEU, Kementerian Pendidikan; Penghulu-penghulu Mukim, Ketua-ketua Kampung, Ahli-ahli Majlis Perundingan Mukim dan Kampung serta Pegawai-pegawai dan Kakitangan Jabatan Daerah Brunei dan Muara.



Majlis Pelancaran Memulakan Bacaan Ayat-ayat Suci Al-Quran Majlis Khatam Al-Quran 77 Kali Khatam

KUALA BELAIT, Khamis, 11 Mei. - Majlis Pelancaran Memulakan Bacaan Ayat-ayat Suci Al-Quran Majlis Khatam Al-Quran 77 Kali Khatam Ahli-Ahli Majlis Perundingan Mukim dan Kampung, Penuntut-penuntut Sekolah dan Institusi-institusi Pengajian Tinggi Seluruh Negara sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Yang Ke-77 Bagi Tahun 2023 telah diadakan hari ini di kesemua daerah.

Bagi Daerah Belait, Majlis Pelancaran Memulakan Bacaan

Ayat-ayat Suci Al-Quran 77 Kali Khatam tersebut telah diadakan di Masjid Mohamad Jamalul Alam, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat di majlis tersebut ialah Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Sekuriti dan Undang-Undang), Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Sufian bin Haji Sabtu.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah beramai-ramai dan seterusnya pembacaan ayat-ayat suci Al-Quran bermula dari Juz Pertama. Majlis diakhiri dengan bacaan Doa Selamat.

Peserta-peserta bagi pembacaan ayat-ayat suci

Al-Quran adalah terdiri daripada Ahli-ahli Majlis Perundingan Mukim dan Kampung, penuntut-penuntut sekolah dan institusi-institusi pengajian tinggi di keempat-empat daerah mengikut Kategori Dewasa Lelaki, Dewasa Wanita, Belia dan Belianwanis (berumur 13 tahun hingga 20 tahun) yang terpilih dan mewakili mukim dan kampung termasuk penuntut-penuntut Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Sekolah Arab dan Skim Tilawah Al-Quran remaja dan kanak-kanak lelaki dan perempuan yang berumur 12 tahun ke bawah yang mewakili sekolah-sekolah Arab, sekolah-sekolah ugama dan Skim

Oleh : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

Khatam Al-Quran di bawah umur 10 tahun serta penuntut-penuntut sekolah di bawah Kementerian Pendidikan dan institusi-institusi pengajian tinggi.

Turut hadir Pemangku Pegawai Daerah Belait, Ketua Pegawai Ugama Daerah Belait, Ketua-ketua Jabatan dan Pegawai-pegawai Kanan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN),

Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) dan Kementerian Pendidikan, Penghulu-penghulu Mukim, Ketua-ketua Kampung, ahli-ahli Majlis Perundingan Mukim dan Kampung serta Pegawai-pegawai dan Kakitangan Jabatan Daerah Belait, pegawai-pegawai ugama, bilal-bilal, Ahli-ahli Takmir Masjid dan anak-anak buah kampung.



YANG Mulia Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Sekuriti dan Undang-Undang) hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut (atas), manakala gambar kanan, bagi Daerah Belait, Majlis Pelancaran Memulakan Bacaan Ayat-Ayat Suci Al-Quran 77 Kali Khatam tersebut diadakan di Masjid Mohamad Jamalul Alam.



Daerah Temburong



Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Hamzah Mohidin

TEMBURONG, Khamis, 11 Mei. - Masjid Utama Mohamad Salleh, Pekan Bangar, menjadi tempat tumpuan bagi Majlis Pelancaran Memulakan Bacaan Ayat-ayat Suci Al-Quran Majlis Khatam Al-Quran 77 Kali Khatam Ahli-ahli Majlis Perundingan Mukim dan Kampung, Penuntut-penuntut Sekolah dan Institusi-institusi Pengajian Tinggi Seluruh Negara sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang

Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Yang Ke-77 Bagi Tahun 2023, bagi Daerah Temburong.

Majlis Pelancaran Memulakan Bacaan Ayat-ayat Suci Al-Quran Majlis Khatam Al-Quran 77 Kali Khatam ini juga diadakan serentak di masjid-masjid terpilih di setiap daerah bermula selepas menuaikan Sembahyang Fardhu Asar Berjemaah.

Di Daerah Temburong, hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut ialah



YANG Mulia Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Ekonomi), Kementerian Kewangan dan Ekonomi hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Pelancaran Memulakan Bacaan Ayat-ayat Suci Al-Quran Majlis Khatam Al-Quran 77 Kali Khatam Ahli-ahli Majlis Perundingan Mukim dan Kampung, Penuntut-penuntut Sekolah dan Institusi-institusi Pengajian Tinggi Seluruh Negara (atas), manakala gambar kiri, antara yang hadir pada majlis berkenaan.

Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Ekonomi), Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Khairuddin bin Haji Abdul Hamid.

Turut hadir ialah Pegawai Daerah

Temburong, Pengiran Muhammad Ameer Mubaarak bin Pengiran Haji Hashim; Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Haji Awang Sulaiman bin Haji Nasir, selaku Ketua Kampung Labu Estate dan Piasau-Piasau, Pegawai-pegawai Kanan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Kementerian Hal Ehwal Ugama dan Kementerian Pendidikan, Ahli-ahli Jawatankuasa Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan bagi Tahun 2023 Peringkat Daerah

Temburong, Ketua Pegawai Ugama Daerah Temburong, Pemangku Penghulu-penghulu Mukim, Ketua-ketua Kampung dan Pemangku Ketua-ketua Kampung.

Majlis dimulakan dengan Bacaan Surah Al-Fatihah beramai-ramai dipimpin oleh Pemangku Pegawai Hal Ehwal Masjid, Masjid Utama Mohamad Salleh, Awang Mohammad Safwan bin Zolkipli, dan seterusnya pembacaan ayat-ayat suci Al-Quran bermula dari Juz Pertama. Majlis diakhiri dengan bacaan doa selamat.

Peserta-peserta bagi pembacaan ayat-ayat suci Al-Quran adalah terdiri daripada Ahli-ahli Majlis Perundingan Mukim dan Kampung, penuntut-penuntut

sekolah dan institusi-institusi pengajian tinggi di keempat-empat daerah mengikut kategori dewasa lelaki, dewasa wanita, belia dan belianwanis (berumur 13 tahun hingga 20 tahun) yang terpilih dan mewakili mukim dan kampung termasuk penuntut-penuntut Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Sekolah Arab dan Skim Tilawah Al-Quran remaja dan kanak-kanak lelaki dan perempuan yang berumur 12 tahun ke bawah yang mewakili sekolah-sekolah Arab, sekolah-sekolah ugama dan Skim

Khatam Al-Quran di bawah umur 10 tahun serta penuntut-penuntut sekolah di bawah Kementerian Pendidikan dan institusi-institusi pengajian tinggi.

GLENNEAGLES JPMC SAMBUT KEMERIAHAN AIDILFITRI DENGAN MAJLIS RUMAH TERBUKA



YANG Berhormat Menteri Kesihatan hadir pada Majlis Rumah Terbuka sempena Hari Raya Aidilfitri anjuran Gleneagles Pusat Perubatan Jerudong Park (JPMC) yang diadakan di Tarindak D'Polo, Jerudong Polo Club (atas), manakala gambar atas kanan, antara yang membuat persembahan, sementara gambar kanan, sebahagian yang hadir pada majlis tersebut.

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Azmah Haji Ahad

JERUDONG, Rabu, 10 Mei. - Kira-kira 400 tetamu diraikan pada Majlis Rumah Terbuka sempena Hari Raya Aidilfitri anjuran Gleneagles Pusat Perubatan Jerudong Park (JPMC) yang diadakan di Tarindak D'Polo, Jerudong Polo Club, di sini.

Hadir ke majlis tersebut ialah Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar.

Ketua Pegawai Eksekutif IHH Healthcare Singapura, Dr. Prem Kumar Nair; dan Ketua Pegawai Eksekutif Gleneagles JPMC, Dr. Peter Tay mewakili selaku tuan rumah bagi pihak Gleneagles JPMC.

Acara tersebut diadakan sempena Sambutan Hari Raya Aidilfitri, dan juga untuk membina hubungan dengan pihak berkepentingan dan kakitangan luar Gleneagles JPMC.

Turut hadir ialah Duta-duta di Negara Brunei Darussalam, pegawai-pegawai kerajaan, pihak-pihak berkepentingan korporat, dan kakitangan Gleneagles JPMC.



Terus memacu pembangunan telekomunikasi, industri ICT



YANG Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Penghargaan untuk Pihak Berkepentingan bagi AIIT yang diselajurkan dengan Majlis Sambutan Hari Raya di Dewan Serambi, Tarindak D'seni (atas), manakala gambar bawah, sekitar yang hadir pada majlis berkenaan.

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 11 Mei. - Sempena memperingati Ulang Tahun Penubuhannya Ke-20, Pihak

Berkuasa Industri Teknologi Info-komunikasi Negara Brunei Darussalam (AIIT) hari ini menganjurkan Majlis Penghargaan

untuk Pihak Berkepentingan bagi AIIT yang diselajurkan dengan Majlis Sambutan Hari Raya di Dewan Serambi, Tarindak D'seni, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi (MTIC), Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha, selaku Pengerusi AIIT.

Turut hadir, Setiausaha Tetap, MTIC, Ir. Awang Haji Mohammad Nazri bin Haji Mohammad Yusof; Timbalan Setiausaha Tetap (Infokomunikasi), MTIC, Awang Haji Hairul Mohd Daud bin Haji Abdul Karim; Timbalan Setiausaha Tetap (Pengangkutan), MTIC, Awang Haji Mohammad Salihin bin Haji Aspar; Ahli Kuasa AIIT; wakil daripada agensi kerajaan, GLCs, industri ICT dan organisasi swasta sebagai pihak kepentingan

Siaran Akhbar dan Foto : Pihak Berkuasa Industri Teknologi Info-Komunikasi Negara Brunei Darussalam

AIIT.

Majlis dimulakan dengan ucapan alu-aluan oleh Ketua Eksekutif AIIT, Ir. Haji Jailani bin Haji Buntar yang antara lain merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak berkepentingan yang bekerjasama dan menyokong AIIT dalam mencapai pencapaian penting selama 20 tahun yang lalu, dan memainkan peranan utama dalam memacu pembangunan telekomunikasi dan industri ICT.

Sementara itu, Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi dalam ucapannya pada majlis tersebut mengongsikan, pembangunan teknologi telefon mudah alih di Negara Brunei Darussalam, sebagai contoh, teknologi telefon mudah alih berkembang dengan ketara sejak pengenalan telefon bimbit generasi pertama (1G) yang besar dan berat dengan ciri dan fungsi yang terhad.

Sejak itu terang Yang Berhormat, kemajuan dalam teknologi membawa kepada pembangunan peranti kecil yang lebih berkuasa dengan ciri canggih seperti akses internet, skrin sentuh dan kamera resolusi tinggi.

Pengenalan 2G pada tahun 1995 tambah Yang Berhormat meningkatkan kualiti panggilan digital dan pemesejan teks. Kemunculan rangkaian 3G pada tahun 2005 membawa akses internet mudah alih dan keupayaan panggilan video, manakala 4G yang diperkenalkan pada tahun 2013 memberikan kelajuan data yang lebih pantas dan sambungan yang lebih baik.

Yang Berhormat seterusnya berkata dalam beberapa tahun

kebelakangan ini, kemajuan dalam Kecerdasan Buatan (AI), realiti maya dan tambahan (VR / AR), dan rangkaian 5G akan mengubah lebih jauh lagi landskap teknologi mudah alih di mana keupayaan untuk menyambungkan lebih banyak peranti secara serentak membawa kepada kemungkinan baharu yang lebih menarik pengkepada para pengguna.

Yang Berhormat juga turut mengongsikan elemen-elemen yang diiktiraf dilaksanakan dalam Pelan Strategik AIIT 2020 – 2025 yang antara lain, memfokuskan kepada empat bidang utama, iaitu memudahkan pembangunan dan inovasi industri digital; memacu transformasi digital Perusahaan Mikro Kecil dan Sederhana (PMKS); meningkatkan keupayaan dan kemahiran digital; dan membangunkan industri kandungan.

Sejak penubuhannya pada 1 Januari 2003 melalui Perintah AIIT, 2001, AIIT bertanggungjawab melaksanakan fungsi kawal selia untuk sistem dan perkhidmatan telekomunikasi; menguruskan spektrum frekuensi radio nasional; melindungi kepentingan pengguna dengan mempromosikan penetapan harga yang kompetitif dan memastikan kualiti perkhidmatan; serta membangunkan industri ICT untuk Negara Brunei Darussalam (NBD).

AIIT akan terus berusaha ke arah mencapai visi untuk mengubah NBD menjadi 'Connected Smart Nation' melalui pembangunan industri digital yang berkembang maju, negara yang terhubung, dan masyarakat yang diperkaya secara digital.



NASIONAL

TANAI AMANAH, KEKALKAN KEDAULATAN NEGARA



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri ketika berucap.

>> Muka 1

"Kita sebagai rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam perlu mananai amanah yang diberikan dan ini termasuklah sama-sama memastikan hasrat kerajaan untuk

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Azmah Haji Ahad

mencapai Wawasan Brunei 2035 terlaksana," kata Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri.

Oleh itu, tambah Yang Berhormat, kita sebagai rakyat perlu mempertahankan dan memelihara suasana yang kita nikmati selama ini iaitu dengan hormat menghormati semasa rakyat tidak kira bangsa dan agama hendaklah menyokong dan mendukung penuh usaha kerajaan baginda dalam memajukan dan mengekalkan kedaulatan negara termasuklah falsafah negara Melayu Islam Beraja.

Yang Berhormat juga menyeru orang ramai untuk merenung kembali tatah Kebawah Duli Yang Maha Mulia sempena Sambutan Hari Raya Aidilfitri 1444H / 2023M anjuran Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah yang telah diadakan baru-baru ini yang antara lainnya baginda bertitah :

"Dalam kita sama-sama merealisasikan Wawasan Negara,

semua pihak termasuk sektor kerajaan, swasta dan pertubuhan bukan kerajaan serta seluruh rakyat dan penduduk, perlulah serentak berusaha untuk menjayakan matlamat Wawasan Brunei 2035 dengan semangat dan pendekatan senegara Whole of Nation Approach yang mantap".

Menurut Yang Berhormat titah baginda ini jelas mencerminkan hasrat murni baginda yang mahu menyaksikan negara ini mencapai matlamat dan seterusnya untuk merealisasikan Wawasan Brunei untuk menjadi sebuah negara yang lebih maju menjelang 2035 dengan rakyat yang berpendidikan tinggi, berkemahiran dan berjaya; rakyat mempunyai kualiti kehidupan yang tinggi; dan ekonomi negara yang dinamik dan berdaya tahan.

"Bersyukur kita ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala jua kerana di bawah kepimpinan dan kebijaksanaan baginda, kita di negara ini dapat menikmati

suasana aman, damai dan tenteram, di mana, ia adalah satu nikmat kurnia yang tidak ternilai harganya dari Allah Subhanahu Wata'ala," tambah Yang Berhormat.

Yang Berhormat dalam mengakhiri ucapan, mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada penerima-penerima Sijil Taraf Kerakyatan, hari ini dan penuh berharap semua akan dapat

menghargai kurnia ini dan mengotakan ikrar taat setia ke hadapan majlis Kebawah DYMM bagi sama-sama membangun, memelihara dan mempertahankan kedaulatan dan keselamatan serta keharmonian negara ini serta berkorban apa saja sama ada dalam bentuk material, spiritual, pemikiran, hatta jiwa raga *kitani* sendiri sekali pun demi negara yang kita cintai.



ANTARA yang hadir pada majlis berkenaan.

725 terima Sijil Taraf Kerakyatan

disampaikan oleh Pemangku Pengarah Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan, Haji Azmi bin Haji Abdul Rahim yang juga selaku Pengerusi Majlis.

Kemudian majlis diteruskan dengan ucapan tetamu kehormat majlis dan penyampaian sijil kepada para penerima.

Salah seorang penerima, Awang Muhammad Adnan bin Abdullah Balakrishnan dari Kampung Mumong dari Daerah Belait, melahirkan rasa bangga dan gembira kerana diterima menjadi rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

"Pertama kali, saya sangat berbangga menjadi salah seorang penduduk warga Negara Brunei Darussalam. InsyaaAllah akan berbakti untuk negara," ujarnya lagi.

Beliau mengambil kesempatan menyembahkan ucapan menjunjung kasih ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha

Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas pengurniaan taraf kerakyatan berkenaan yang melayakkan beliau menjadi rakyat baginda.

Sementara itu, Dayang Haslina binti Haji Bujang dari Kampung Mata-Mata, Katok 'B' berasa sangat bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana anak beliau diperkenankan taraf kerakyatan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia.

"Saya juga ingin menyembahkan ucapan menjunjung kasih ke hadapan majlis Kebawah DYMM atas pengurniaan taraf kerakyatan untuk anak saya ini," ujar beliau.

Juga hadir, Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara; Setiausaha-setiausaha Tetap dan Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap; Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap; ketua-ketua jabatan, pegawai-pegawai kanan dari Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri; penghulu-penghulu; serta para pegawai dan kakitangan dari Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan.



ANTARA penerima Sijil Taraf Kerakyatan (kiri dan kanan).

ANTARA penerima Sijil Taraf Kerakyatan (kiri dan kanan).



ANTARA penerima Sijil Taraf Kerakyatan (kiri dan kanan).



ANTARA penerima Sijil Taraf Kerakyatan (kiri dan kanan).



ANTARA penerima Sijil Taraf Kerakyatan (kiri dan kanan).



ANTARA penerima Sijil Taraf Kerakyatan (kiri dan kanan).



ANTARA penerima Sijil Taraf Kerakyatan (kiri dan kanan).



ANTARA penerima Sijil Taraf Kerakyatan (kiri dan kanan).



ANTARA penerima Sijil Taraf Kerakyatan (kiri dan kanan).



ANTARA penerima Sijil Taraf Kerakyatan (kiri dan kanan).



ANTARA penerima Sijil Taraf Kerakyatan (kiri dan kanan).



ANTARA penerima Sijil Taraf Kerakyatan (kiri dan kanan).



ANTARA penerima Sijil Taraf Kerakyatan (kiri dan kanan).



ANTARA penerima Sijil Taraf Kerakyatan (kiri dan kanan).



ANTARA penerima Sijil Taraf Kerakyatan (kiri dan kanan).



ANTARA penerima Sijil Taraf Kerakyatan (kiri dan kanan).



ANTARA penerima Sijil Taraf Kerakyatan (kiri dan kanan).



ANTARA penerima Sijil Taraf Kerakyatan (kiri dan kanan).



ANTARA penerima Sijil Taraf Kerakyatan (kiri dan kanan).



ANTARA penerima Sijil Taraf Kerakyatan (kiri dan kanan).



ANTARA penerima Sijil Taraf Kerakyatan (kiri dan kanan).



ANTARA penerima Sijil Taraf Kerakyatan (kiri dan kanan).



ANTARA penerima Sijil Taraf Kerakyatan (kiri dan kanan).



ANTARA penerima Sijil Taraf Kerakyatan (kiri dan kanan).



ANTARA penerima Sijil Taraf Kerakyatan (kiri dan kanan).



ANTARA penerima Sijil Taraf Kerakyatan (kiri dan kanan).



ANTARA penerima Sijil Taraf Kerakyatan (kiri dan kanan).



ANTARA penerima Sijil Taraf Kerakyatan (kiri dan kanan).



ANTARA penerima Sijil Taraf Kerakyatan (kiri dan kanan).



ANTARA penerima Sijil Taraf Kerakyatan (kiri dan kanan).



ANTARA penerima Sijil Taraf Kerakyatan (kiri dan kanan).



ANTARA penerima Sijil Taraf Kerakyatan (kiri dan kanan).



ANTARA penerima Sijil Taraf Kerakyatan (kiri dan kanan).



ANTARA penerima Sijil Taraf Kerakyatan (kiri dan kanan).



ANTARA penerima Sijil Taraf Kerakyatan (kiri dan kanan).



ANTARA penerima Sijil Taraf Kerakyatan (kiri dan kanan).



ANTARA penerima Sijil Taraf Kerakyatan (kiri dan kanan).



ANTARA penerima Sijil Taraf Kerakyatan (kiri dan kanan).



ANTARA penerima Sijil Taraf Kerakyatan (kiri dan kanan).



ANTARA penerima Sijil Taraf Kerakyatan (kiri dan kanan).



ANTARA penerima Sijil Taraf Kerakyatan (kiri dan kanan).



ANTARA penerima Sijil Taraf Kerakyatan (kiri dan kanan).



ANTARA penerima Sijil Taraf Kerakyatan (kiri dan kanan).



ANTARA penerima Sijil Taraf Kerakyatan (kiri dan kanan).



ANTARA penerima Sijil Taraf Kerakyatan (kiri dan kanan).



ANTARA penerima Sijil Taraf Kerakyatan (kiri dan kanan).



ANTARA penerima Sijil Taraf Kerakyatan (kiri dan kanan).



ANTARA penerima Sijil Taraf Kerakyatan (kiri dan kanan).



ANTARA penerima Sijil Taraf Kerakyatan (kiri dan kanan).



ANTARA penerima Sijil Taraf Kerakyatan (kiri dan kanan).



Kepentingan air dalam kehidupan



Antara nikmat terbesar yang dikurniakan Allah Subhanahu Wata'alai itu adalah air. Air merupakan sumber kehidupan yang paling berharga dan menjadi asas kehidupan kepada semua makhluk yang hidup di bumi ini.

Alhamdulillah, kita sangat beruntung kerana negara kita dikurniakan dengan sumber air bersih yang mencukupi untuk kegunaan rakyat dan penduduk serta aktiviti-aktiviti sosioekonomi seperti pertanian, perikanan, perindustrian dan seumpamanya. Hampir keseluruhan penduduk di negara ini dapat menikmati bekalan air bersih yang berterusan.

Perlu kita ketahui dan sedari bahawa terdapat beberapa negara luar menghadapi masalah kekurangan bekalan air atau masalah pencemaran kepada sumber air yang ada.

Menurut statistik Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), pada masa ini lebih 2 bilion orang tidak mendapat bekalan air yang bersih. Mereka terpaksa mengangkat sendiri air dari telaga atau sungai menuju ke rumah masing-masing untuk kehidupan sehari-hari. Lebih membimbangkan lagi adalah kesan kepada mereka yang meminum dan menggunakan air yang tidak bersih atau tercemar, akan menyebabkan masalah kepada kesihatan dan juga kematian wabak penyakit dan sebagainya.

Oleh yang demikian, dengan nikmat air yang kita terima, sama-sama kita bersyukur dengan mengamalkan sikap berjimat cermat ketika menggunakan airnya. Ini kerana berjimat cermat adalah satu amalan yang mulia.

Sesungguhnya pihak kerajaan telah menyediakan prasarana dan kemudahan air yang bernilai berjuta-juta ringgit untuk membersihkan, merawat dan membekalkan air ke rumah-rumah dan premis-premis di negara ini.

Akan tetapi sama ada kita sedar ataupun tidak, kita seakan kurang menghargai nikmat air kerana buat masa ini ia masih mudah diperoleh. Akibat kurang menghargai nikmat air, terdapat sebilangan orang yang membazirkan air dengan menggunakan lebih dari kadar yang diperlukan.

Bayangkan saja kesukaran yang berlaku setiap kali bekalan air ditutup atau dengan sebab-sebab lain seperti kemarau, paip air rosak dan yang seumpamanya. Rutin kehidupan harian kita pasti akan terjejas.

Dalam menghadapi keadaan begini, kita sebagai pengguna kita hendaklah meningkatkan kesabaran dan memberikan kepercayaan kepada pihak yang telah diamanahkan untuk melaksanakan dan menjalankan tugas dan tanggungjawab mereka.

Dalam menjalani dan melakukan aktiviti harian seperti penyediaan makanan, minuman, memasak, mencuci, menyiram tanaman, mandi dan sebagainya, gunakanlah air dengan lebih bijak dan jangan membazir atau berlebih-lebihan ketika menggunakan airnya. Ini kerana ia boleh merugikan individu maupun negara.

Ulama' sepakat mengatakan bahwa membazir air merupakan suatu perbuatan yang ditegah walaupun pada ketika itu air banyak dan mudah diperoleh. Sifat membazir secara umumnya adalah satu sifat yang dicela. Ini kerana Allah Subhanahu Wata'alai tidak menyukai orang-orang yang membazir dan berlebih-lebihan. Firman Allah Subhanahu Wata'alai dalam Surah Al-Araf, ayat 31 :

Tafsirnya : "Dan janganlah berlebih-lebihan. Sesungguhnya Allah tidak menyukai orang-orang yang berlebih-lebihan".

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam

adalah contoh yang terbaik dalam penggunaan air. Sebagaimana yang diceritakan oleh Anas bin Malik Radiallahuanhu, dia berkata "Bawasanya Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam berwuduk dengan satu mud air dan mandi dengan satu sya' (empat mud) hingga lima mud air". (Hadis Riwayat Imam Muslim)

Adapun satu mud air ialah bersamaan dengan kira-kira satu liter air, manakala lima mud pula bersamaan dengan kira-kira lima liter air. Berdasarkan hadis tersebut jelas menunjukkan bahawa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam sangat berjimat dalam menggunakan air.

Oleh yang demikian, wahai kaum Muslimin, marilah kita sama-sama meningkatkan kesedaran betapa pentingnya air dalam kehidupan kita sehari-hari, di samping mengubah sikap dengan mengambil langkah berjimat cermat dalam penggunaan air bagi mengelakkan pembaziran, iaitu menggunakan air dengan mengikut kadar keperluan sahaja. Ini secara tidak langsung akan dapat mengurangkan perbelanjaan kerajaan untuk membersih, merawat dan membekalkan air untuk kita gunakan setiap hari. Di samping itu, sama-sama kita mensyukuri dan menghargai segala nikmat yang telah dikurniakan Allah Subhanahu Wata'alai dan berdoa mudah-mudahan nikmat tersebut akan sentiasa berkekalan dan terus kita nikmati. Amin Ya Rabbal Alamin.

Tafsirnya : "Tidakkah kamu perhatikan air yang kamu minum? Adakah kamu yang menurunkannya dari awan (sebagai hujan) atau Kami yang menurunkannya? Kalau Kami Menghendaki Kami menjadikan ia masih maka mengapa kamu tidak bersyukur?" (Surah Al-Waqi'ah, ayat 68-70)

BERTAKWALAH kita ke hadrat Allah Subhanahu Wata'alai dengan sebenar-benar takwa iaitu dengan meningkatkan keimanan kepada-Nya. Sesungguhnya orang yang paling mulia di sisi Allah Subhanahu Wata'alai itu ialah orang yang paling bertakwa. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang sentiasa mengingati Allah Subhanahu Wata'alai, beroleh kejayaan dan keselamatan di dunia dan juga di akhirat.

Allah Subhanahu Wata'alai Maha Pengasih lagi Maha Penyayang kepada hamba-hamba-Nya dan Allah Subhanahu Wata'alai juga telah menganugerahkan nikmat yang terlalu banyak dan tidak terkira kepada hamba-hamba-Nya. Firman Allah Subhanahu Wata'alai dalam Surah Ibrahim, ayat 34 :

Tafsirnya : "Dan Dia telah mengurniakan kepada kamu segala apa yang kamu pohonkan kepada-Nya dan juga kamu menghitung nikmat Allah tentulah kamu tidak terkira banyaknya. Sesungguhnya manusia itu sangat zalim lagi sangat kufur".

Pendaftaran Dialog Belia SDG kini dibukakan

Oleh : Haniza Abdul Latif
Infografik : Majlis Belia Brunei

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 11 Mei. – Jawatankuasa Khas Penyelaras Kebangsaan Matlamat Pembangunan Yang Berdaya Tahan (JKPK SDGs), Jabatan Perdana Menteri (JPM) dengan sokongan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan;

Bank Islam Brunei Darussalam; Majlis Belia Brunei; Green Brunei; My Action for SDGs; dan UN ESCAP akan menganjurkan Dialog Belia SDG (SDG Youth Dialogue) dengan tema 'Pemimpin Mampan Masa Depan' (Future Sustainability Leaders).

Dialog berkenaan akan diadakan selama tiga hari bermula Isnin, 15 Mei 2023 hingga Rabu, 17 Mei 2023 bertempat di Bangunan JPM.

Dialog Belia SDG dibuka

kepada peserta yang berumur 15 hingga 25 tahun, menetap di Negara Brunei Darussalam dan komited untuk menyokong pencapaian 17 SDGs.

Tarikh tutup penyertaan ialah

Sabtu, 13 Mei 2023.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi terus melalui e-mel info.bruneiyouthcouncil@gmail.com atau pesanan terus (DM) melalui Instagram @majlisbeliabn.

MOC KUKUHKAN KOMUNIKASI KERJASAMA



■ Siaran Akhbar dan Foto : Mahkamah Sivil

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 11 Mei. - Mahkamah Besar Negara Brunei Darussalam dan Jabatan Kehakiman (DoJ) Pentadbiran Khas Hong Kong (SAR) Republik Rakyat China menandatangani satu Memorandum Kerjasama (MoC) untuk mengukuhkan komunikasi, kerjasama dalam isu yang

berkaitan dengan mengelakkan pertikaian dan penyelesaian.

Menandatangani bagi pihak Mahkamah Besar Negara Brunei Darussalam (NBD) ialah Ketua Hakim Mahkamah Besar, Yang Amat Arif Dato Seri Paduka Steven Chong Wan Oon. Manakala DoJ Hong Kong SAR diwakili oleh Setiausaha Kehakiman, Paul Lam,

SC.

Hadir pada majlis menandatangani perjanjian tersebut ialah Konsul Jeneral NBD di Hong Kong SAR, Hajah Ainatal Zahayu binti POKSD Mejar Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Haji Mohammad.

Dalam ucapan Ketua Hakim Mahkamah Besar, Yang Amat Arif menyifatkan memorandum itu sebagai 'pencapaian penting' antara NBD dan SAR Hong Kong mengenai kerjasama bagi isu-isu yang berkaitan dengan pengelakan dan penyelesaian pertikaian.


Ketua Hakim Mahkamah Besar berkata bahawa MoC akan berfungsi sebagai tonggak utama untuk kerjasama dan memberikan platform yang sangat baik untuk mengukuhkan komunikasi serta memudahkan pembelajaran bersama dan menggalakkan inisiatif kolaboratif.

MoC berfungsi sebagai rangka kerja kerjasama yang dipertingkatkan yang akan memberi manfaat besar kepada kedua-dua NBD dan SAR Hong Kong dalam mempromosikan hasil yang lebih baik dalam penyelesaian pertikaian, keyakinan yang lebih besar dalam menjalankan perniagaan, dan meningkatkan akses kepada keadilan.

Ini adalah MoC kedua yang ditandatangani antara Mahkamah Besar NBD dan bidang kuasa lain, berikutnya pemerintahan MoC dengan Mahkamah Agung Rakyat China pada 21 September 2004.

Semasa lawatan Ketua Hakim Mahkamah Besar ke Hong Kong pada 4 hingga 7 Mei 2023, Yang Amat Arif telah berjumpa Ketua Hakim Negara Mahkamah Rayuan Terakhir Hong Kong SAR, Andrew Cheung dan juga Ketua Hakim Mahkamah Tinggi Hong Kong SAR, Justice Poon.

Mesyuarat dua hala itu termasuk lawatan ke Mahkamah Rayuan Akhir, Mahkamah Tinggi



DELEGASI dari Mahkamah Besar Negara Brunei Darussalam dan Jabatan Kehakiman (DoJ) Pentadbiran Khas Hong Kong (SAR) Republik Rakyat China pada Majlis Penandatanganan Memorandum Kerjasama (MoC) (kiri). Manakala gambar atas dan bawah kiri, Ketua Hakim Mahkamah Besar NBD bersama Ketua Hakim Negara Mahkamah Rayuan Terakhir Hong Kong SAR, Andrew Cheung dan Setiausaha Kehakiman, Paul Lam, SC.

dan Bangunan Mahkamah Undang-undang West Kowloon di mana Ketua Hakim Mahkamah Besar dan delegasinya mengadakan perbincangan yang bermanfaat dalam pelbagai bidang termasuk pengurusan kes, pentadbiran mahkamah, pendidikan dan latihan kehakiman, penggunaan mediasi dan perkembangan penggunaan teknologi di mahkamah.

Ketua Hakim Mahkamah Besar dan delegasinya juga melawat badan penyelesaian pertikaian di Hong Kong, termasuk Pusat Timbang Tara Serantau AALCO Hong Kong, Pusat Penyelesaian Pertikaian Dalam Talian Antarabangsa eBRAM dan Pusat Timbang Tara Antarabangsa Hong Kong.

Penandatanganan MoC dan mesyuarat serta lawatan oleh Ketua Hakim Mahkamah Besar dan delegasi adalah bukti sejarah panjang dan persahabatan mesra antara NBD dan Hong Kong SAR.

Hong Kong SAR telah menjadi sebahagian daripada warisan undang-undang NBD selama lebih

60 tahun di mana pada tahun 1963 pengaturan telah dibuat dengan Kerajaan Hong Kong untuk Hakim Mahkamah Agung Hong Kong untuk duduk sebagai Hakim Mahkamah Besar NBD.

Pada ketika itu juga menjadi amalan Ketua Hakim Negara Hong Kong untuk dilantik sebagai Ketua Hakim NBD atau dilantik sebagai Presiden Mahkamah Rayuan.

Pengaturan kehakiman yang telah lama wujud dengan Hong Kong ini secara rasminya berakhir pada 1993 namun NBD terus bergantung kepada khidmat hakim Hong Kong yang telah bersara untuk mengisi pelantikan dalam badan kehakimannya sehingga hari ini.

Mahkamah Besar NBD berharap untuk melihat hubungan dengan Hong Kong SAR berkembang dari kekuatan kepada kekuatan pada tahun-tahun akan datang dan berharap untuk bekerjasama rapat dalam memajukan MoC untuk kepentingan bersama dua negara, NBD dan Hong Kong SAR.

Majlis keagamaan sempena Ulang Tahun Penubuhan

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmad
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said, Mohammad Khalid Doughty



sokongan.

Pada usianya sudah mencecah 71 tahun, Jabatan Penerangan juga terus memainkan peranan pentingnya iaitu khususnya dalam membarigakan maklumat, dasar, program dan aktiviti kerajaan yang sahih dan sebagai platform perantaraan di antara rakyat - kerajaan - rakyat.

Selain itu, Jabatan Penerangan

juga tidak ketinggalan dalam mengikuti perkembangan Revolusi Industri Ke-4 dalam usahanya untuk membarigakan dasar, program dan aktiviti kerajaan dengan memperkenalkan dan menggunakan media sosial terdiri daripada seperti Facebook, Instagram dan Twitter di samping aplikasi mudah alih telefon bimbit, InfoDept.BN dan We ASEAN.



SETIAUSAHA Tetap (Urustadbir Perkhidmatan Awam) di Jabatan Perdana Menteri hadir bersama rombongan pegawai dan kakitangan Jabatan Penerangan pada Majlis Membaca Surah Yaa Siin dan Tahlil di Kubah Makam Diraja, Jalan Tutong bersempena Sambutan Ulang Tahun Penubuhannya Ke-71 Tahun (atas dan kanan).

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 11 Mei. - Jabatan Penerangan, hari ini, mengadakan Majlis Membaca Surah Yaa Siin dan Tahlil di Kubah Makam Diraja, Jalan Tutong bersempena Sambutan Ulang Tahun Penubuhannya Ke-71 Tahun.

Majlis keagamaan berkenaan khusus bagi ayahanda dan bonda serta anakanda Kebawah Duli

Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien ibni Al-Marhum Sultan Muhammad Jamalul Alam, Al-Marhumah Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit binti Al-Marhum Pengiran

ACCSM : Kukuhkan kerjasama PA di peringkat ASEAN



SESI Permesuaratan ACCSM diteruskan dengan Mesyuarat Pegawai-pejawai Kanan (SOM) yang dipengerusikan oleh Pemangku Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam dan dihadiri oleh para pegawai kanan daripada sektor Perkhidmatan Awam (PA) Negara-negara Anggota ASEAN (atas dan kanan).

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani

Foto : Hamzah Mohidin, Muhammad Asri Haji Awang Abas,
Muhammad Khalid Doughty

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 10 Mei. - Dengan membawakan tema 'Strengthening ASEAN Public Sector : Fit for the Future', Sesi Plenari bagi Mesyuarat ASEAN Cooperation on Civil Service Matters (ACCSM) Ke-22, berlangsung selama dua hari sehingga hari ini di Rizqun International Hotel, di sini.

Negara Brunei Darussalam (NBD) adalah Pengurus bagi ACCSM bagi Tahun 2023 hingga 2024.

Kesinambungan daripada Mesyuarat Persediaan yang diadakan kelmarin, sesi

Permesuaratan ACCSM diteruskan lagi hari ini dengan Mesyuarat Pegawai-pejawai Kanan (SOM) yang dipengerusikan oleh Pemangku Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Dr. Awang Norfarizal bin Othman dan dihadiri oleh para pegawai kanan daripada sektor Perkhidmatan Awam (PA) Negara-negara Anggota ASEAN.

Turut hadir ialah delegasi dari Republik Demokratik Timor-Leste selaku Pemerhati (Observer) mesyuarat.

Agenda mesyuarat memuatkan perbincangan mengenai perancangan aktiviti dan Peta

Jalan di sepanjang tempoh kepengerusian NBD bagi ACCSM.

Selaku Pengurus ACCSM, antara keutamaan NBD adalah pembangunan Pelan Kerja ACCSM Pasca 2025 yang akan disediakan bersama oleh Negara-negara Anggota ASEAN, berikutnya pelaksanaan kajian rebiu penggal pertengahan ke atas Pelan Kerja ACCSM 2021 - 2025 (Mid-Term Review of ACCSM Work Plan 2021 - 2025).

Berdasarkan hasil MTR berkenaan, mesyuarat antara lainnya bersetuju bahawa isu dan cabaran Perkhidmatan Awam (PA) perlu ditangani melalui pemantauan berterusan ke atas aktiviti dan inisiatif yang dijalankan di bawah Pelan Kerja ACCSM, pembangunan kapasiti PA secara

menyeluruh, serta kerjasama berterusan sektor PA

Negara-negara Anggota ASEAN bersama badan sektoral dan rakan dialog ASEAN dalam memajukan Agenda ACCSM.

Oleh itu, Pelan Kerja ACCSM Pasca 2025 akan digubal dengan tujuan untuk membina dan mengekalkan PA yang berprestasi tinggi, dinamik dan PA yang *citizen-centric* bagi komuniti ASEAN.

Semasa mesyuarat berkenaan, Negara-negara Anggota ASEAN juga turut melaporkan perkembangan pelaksanaan pelbagai aktiviti anjuran masing-masing.

Setakat ini, sebanyak 18 projek dan program di bawah Pelan Kerja ACCSM dan ACCSM+3 2021 -

2025 selesai dikendalikan mengikut perancangan.

ACCSM berperanan untuk mengukuhkan kerjasama PA di peringkat ASEAN dan merupakan satu platform bagi perkongsian maklumat, inovasi dan amalan terbaik berkaitan dengan pengurusan PA termasuk kerjasama dalam pembangunan kapasiti bagi mengurangkan jurang pembangunan di antara Negara-negara Anggota ASEAN.

Sesi Mesyuarat ACCSM seterusnya akan diadakan pada tahun hadapan 2024, yang akan dihadiri oleh ketua-ketua PA dari Negara-negara Anggota ASEAN serta negara-negara ASEAN Plus Three (Republik Rakyat China, Jepun dan Republik Korea).

KEBERKESANAN PENGGUNAAN ICT DALAM KEHIDUPAN SEHARIAN

Oleh : Haniza Abdul Latif

Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 11 Mei. - Penggunaan Teknologi Komunikasi dan Maklumat (ICT) sangat penting kerana teknologi digital digunakan hampir semua perkara dalam kehidupan sehari-hari kita.

Dengan menggabungkan penggunaan ICT, ia dapat memaksimumkan kemahiran digital seseorang itu ke tahap yang sepenuhnya, sambil mempersiapkannya untuk pelbagai perkara teknologi yang lebih besar dalam era yang cenderung ke arah digital ini.

Perkara berkenaan dikongsikan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Chong Chin Yee dalam pendekatan Pelita Brunei mengenai penggunaan ICT khususnya dalam kalangan wanita di negara ini.

"Secara umumnya, saya percaya terdapat jurang data jantina (*gender data gap*) dan kekurangan penyertaan dalam kalangan wanita dalam industri ICT.

"Dengan menggunakan ICT, wanita boleh mendapat akses kepada maklumat, pendidikan, perkhidmatan penjagaan kesihatan, sumber kewangan, dan alat serta sumber penting lain yang boleh meningkatkan kualiti hidup mereka dan meningkatkan pemerkasaan ekonomi mereka. Penggunaan ICT berpotensi untuk mengubah kehidupan ramai wanita secara positif," jelas Yang Berhormat.

Menurut Yang Berhormat lagi, ICT sering disalahertikan, kerana orang cenderung menganggap ia hanya berkaitan dengan programming.

Walau bagaimanapun tambah Yang berhormat, secara realiti, ia

berkembang menjadi kemahiran hidup, yang digunakan dalam aktiviti sehari-hari kita.

Kemahiran digital ujar Yang Berhormat, adalah kebolehan dan pengetahuan yang diperlukan untuk seseorang menggunakan teknologi digital seperti telefon pintar dengan berkesan dan mempunyai telefon pintar adalah sesuatu yang bagus, tetapi tanpa kemahiran digital, kita mungkin tidak dapat memaksimumkan potensi sepenuhnya.

"Baru-baru ini, saya mendapat bahan dengan iOS 15 dan ke atas, kita boleh menambahkan acara di kalender dengan mudah dengan hanya mengambil gambar kad jemputan dan menggunakan ciri 'Teks Langsung' (Live Text).

"Apabila kita mengklik butang tarikh akan muncul dan dengan segera ditambah ke kalender," jelas Yang Berhormat lagi.

Bagi golongan wanita yang kurang mahir dalam penggunaan ICT, Yang Berhormat Chong Chin Yee mengongsikan mengenai projek Brunei ICT Sisters yang dilancarkan dengan matlamat untuk mewujudkan komuniti inklusif dan menggalakkan kepelbagaian jantina dalam ICT.

Antara perancangan melalui projek berkenaan tambah Yang Berhormat ialah untuk menyediakan wanita dalam ICT dengan sumber yang diperlukan untuk membangunkan kemahiran digital mereka dan menjadi fasilitator sendiri melalui bengkel yang diterajui komuniti, dengan pendekatan unik ini akan dapat membantu mewujudkan kumpulan fasilitator mahir yang boleh mengajar mereka yang sukar dihubungi.

Sementara itu, Pengasas Bersama Green Brunei, Dayang Khairunnisa binti Awang Haji Ash'ari semasa ditemui pula berpendapat, penggunaan ICT dalam kalangan wanita dapat memberikan peluang dan manfaat yang signifikan.

Menurutnya, penggunaan ICT membuka lebih banyak peluang untuk mengakses maklumat, pendidikan, pekerjaan, perkhidmatan kesihatan, dan hubungan sosial dengan lebih mudah, terutamanya bagi wanita yang tidak dapat bekerja di luar disebabkan oleh pelbagai perkara tertentu, penggunaan ICT dapat membantu dalam menjana pendapatan melalui *online selling* dan sebagainya.

Menyentuh mengenai kepentingan penggunaan ICT pada masa ini jelasnya, ia sangat penting kerana dunia kita semakin terhubung dan bermaklumat, apakah lagi di Negara Brunei Darussalam, pelbagai perkhidmatan sudah pun beralih ke platform dalam talian, jadi kemahiran penggunaan ICT adalah sangat penting tidak kira umur agar tidak ketinggalan.

Malahan tambahnya, kemahiran berkenaan berguna bagi meningkatkan pengetahuan, kesedaran tentang isu semasa dan sebagainya. Namun, pada masa yang sama, kemahiran ini haruslah dilengkapkan dengan kesedaran tentang keselamatan dalam menggunakan platform ICT dan dalam talian, bagi mengelakkan kes-kes seperti *online scam* dan sebagainya.

Beliau juga turut mengongsikan tentang beberapa kemanafaatan menggunakan ICT dalam pelbagai cara antaranya akses kepada maklumat, iaitu ICT membolehkan akses mudah kepada pelbagai

sumber maklumat dan pengetahuan melalui internet. Wanita dapat mencari maklumat tentang pendidikan, kewangan, kesihatan, dan banyak lagi.

Selain itu jelasnya lagi, pendidikan jarak jauh, iaitu ICT memungkinkan akses kepada pendidikan jarak jauh dan pembelajaran dalam talian. Wanita yang tinggal di luar bandar atau memiliki keterbatasan pengangkutan / pergerakan dapat mengakses peluang pendidikan tanpa perlu berpindah tempat.

Pekerjaan dan keusahawanan juga boleh dimanfaatkan dengan penggunaan ICT, iaitu ia membuka pintu kepada peluang kerja dan keusahawanan. Wanita dapat bekerja dari rumah, menjalankan perniagaan dalam talian, atau mengakses pasaran kerja global melalui platform digital.

Di samping itu ujarnya, penyampaian perkhidmatan kesihatan, ICT memungkinkan penyampaian perkhidmatan kesihatan jarak jauh. Wanita di luar bandar atau warga emas dapat memperoleh nasihat perubatan

tanpa perlu berjalan jauh.

Bagi golongan wanita yang kurang mahir dalam penggunaan ICT, khususnya golongan warga emas dan masyarakat yang tinggal di luar bandar, beliau mengongsikan beberapa langkah yang dapat diambil, iaitu pendidikan dan kesedaran dengan menyediakan program pendidikan dan kesedaran tentang penggunaan ICT yang sederhana dan sesuai dengan keperluan mereka.

Tambahnya lagi, ini boleh dilakukan melalui kelas-kelas komputer bagi warga emas atau program pembelajaran dalam talian. Ini haruslah dibuat melalui Whole of Nation Approach dengan perlakuan pihak kerajaan, pihak swasta dan juga badan bukan kerajaan (NGO).

Di samping itu ujarnya, akses kepada infrastruktur, iaitu meningkatkan akses kepada infrastruktur ICT seperti akses internet yang terjangkau dan peralatan komputer. Contoh yang dapat dilihat ialah akses ke internet yang disediakan bagi penduduk Kampung Sukang.



DENGAN menggabungkan penggunaan ICT, ia dapat memaksimumkan kemahiran digital seseorang itu ke tahap yang sepenuhnya.

PROGRAM RAMAH MESRA AIDILFITRI KUKUHKAN JALINAN KERJASAMA

Berita dan Foto : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim

TUTONG, Rabu, 11 Mei. - Program Ramah Mesra Aidilfitri Majlis Perundingan Kampung Kiudang (MPK) dan Pad Nunok diadakan bersempena dengan Hari Raya Aidilfitri bagi Tahun 2023.

Program kunjung-mengunjungi dari rumah ke rumah Ahli-ahli MPK berkenaan adalah merupakan aktiviti yang julung-julung kalinya diungkayahkan oleh MPK Kiudang dan Pad Nunok.

Menyertai rombongan selaku tetamu khas, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan selaku Ketua Kampung Sengkarai Tutong; para pegawai dan kakitangan dari Jabatan Daerah Tutong; Ahli-ahli Badan Kemajuan dan Kreatif Daerah Tutong; dan Ahli-ahli MPK Kiudang dan Pad Nunok.

Turut hadir menyertai rombongan berkenaan, Pemangku Penolong Pegawai Daerah Tutong, Mohammad Adi Asnawi bin Haji Awang Adanan dan Penasihat MPK Kiudang, Haji Umar Ali bin Esung.

Sebanyak tiga buah rumah menyertai program berkenaan, iaitu rumah pertama dikunjungi adalah rumah Pengurus MPK Kiudang dan Pad Nunok, Awang Haji Saifulbahri bin Haji Umarali; dan kedua rumah Penasihat MPK Pad Nunok, Awang Haji Matamit bin Jumat.

Sementara itu, rumah terakhir adalah rumah Ahli MPK Pad

Nunok, Awang Haji Ibrahim bin Haji Merassan.

Suasana kunjung mengunjungi dimeriahkan lagi dengan hidangan juadah Hari Raya yang beraneka jenis seperti lazimnya disediakan oleh rumah-rumah pada musim perayaan Hari Raya Aidilfitri.

Di akhir kunjungan rumah-rumah berkenaan, tetamu khas menyampaikan sijil-sijil penghargaan sebagai tanda kenang-kenangan kunjungan berkenaan.

Menurut Biro Penerangan MPK Kiudang, Awang Muhammad Amir bin Haji Umarali, Program Ramah Mesra Aidilfitri berkenaan adalah sebagai simbolik kepada menghidupkan budaya kunjung mengunjungi khususnya dalam kalangan para pemimpin terdiri daripada agensi kerajaan dan akar umbi serta Ahli-ahli MPK sebagai usaha ke arah mengukuhkan jalinan kerjasama, hubungan baik dan ikatan silaturahim yang sedia ada.

Dalam masa yang sama, ia memberi gambaran tentang konsep turun padang yang sentiasa diterapkan dalam kalangan pemimpin sebagai inisiatif bagi menghargai pelbagai usaha Ahli-ahli MPK yang bergiat aktif di dalam aktiviti serta kegiatan di peringkat kampung.

Program berkenaan diharapkan dapat diteruskan pada tahun-tahun akan datang dengan kunjungan ke rumah-rumah Ahli-ahli MPK yang lain. Semasa ditemu bual, Yang Berhormat Awang Abdul Aziz menjelaskan



YANG Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara selaku Ketua Kampung Sengkarai Tutong menyertai rombongan selaku tetamu khas.

tujuan Program Majlis Sambutan Hari Raya ke rumah-rumah yang dikendalikan oleh MPK Kiudang dan Pad Nunok ini adalah bagi mengeratkan hubungan silaturahim antara Ahli-ahli MPK bersama dengan Ketua Kampung dan juga disertai oleh kakitangan kerajaan Jabatan Daerah Tutong.

Menurut Yang Berhormat lagi, dengan cara inilah mereka dapat mengeratkan hubungan silaturahim dan dapat mengenal antara satu sama yang lain dan juga hubungan ini dihadiri oleh belia-belia, di mana para belia inilah yang mendorong mereka untuk mengenal orang-orang kampung mereka dan dengan ini

mereka patut mengetahui penduduk kampung di sekeliling mereka.

Belia-belia ini tambah Yang Berhormat, digalakkan untuk mengenal satu sama yang lain agar mereka tahu bahawa orang kampung ini juga yang

perlu diketahui kerana belia-belia ini bakal generasi yang akan datang. Jadi mereka perlu bergaul, bermasyarakat bukan sahaja dalam kalangan para belia namun dalam kalangan warga emas dan sebagainya.

كمتنرين كصيحتن
KEMENTERIAN KESIHATAN
MINISTRY OF HEALTH

Suntikan VAKSIN COVID-19 diberikan secara PERCUMA kepada semua rakyat dan penduduk yang bermastautin di Negara Brunei Darussalam

www.moh.gov.bn | 148

54 qari, 46 qariah perdengarkan bacaan



ANTARA yang memerdengarkan bacaan masing-masing pada Musabaqah Tilawati Quran Belia Kebangsaan 1444H / 2023M Peringkat Saringan (kiri dan kanan).

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin
Foto : Alishahrin Haji Mumin

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 10 Mei. - Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) melalui Jabatan Belia dan Sukan (JBS) akan mengungkayahkan Musabaqah Tilawati Quran Belia Kebangsaan 1444H/2023M Peringkat Saringan selama empat hari bermula hari ini,

yang berlangsung di Dewan Silaturrahim, Pusat Belia, di ibu negara.

Seramai 54 peserta qari dan 46 peserta qariah akan memerdengarkan bacaan masing-masing sepanjang empat hari pertandingan berlangsung.

Daripada jumlah tersebut, hanya

30 peserta teratas yang mempunyai markah 80 peratus ke atas layak ke peringkat separuh akhir pada 11 Jun 2023 dan seterusnya lima peserta qari dan lima peserta qariah termasuk johan menunggu qari dan qariah 2022 akan bertanding di peringkat akhir pada 22 Jun 2023.

Musabaqah Tilawati Quran Belia Kebangsaan merupakan salah satu projek tahunan KKBS dikelolakan oleh JBS sejak tahun 1980-an dan telah berjaya melahirkan banyak qari dan qariah belia yang berkaliber dan seterusnya mampu bersaing di peringkat yang lebih tinggi.

Ia juga berperanan sebagai wadah kepada qari dan qariah belia di negara ini untuk melihat keupayaan dan prestasi masing-masing khususnya dalam bidang pembacaan Al-Quran secara berlagu atau tarannum.

Peserta musabaqah berkenaan adalah berumur di antara 15 hingga 30 tahun terdiri daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atau penduduk tetap dan tidak pernah menjadi johan pertandingan-pertandingan seperti Majlis Tilawah Membaca Al-Quran Peringkat Antarabangsa anjuran Kerajaan Malaysia atau Musabaqah Tilawati Quran Belia Asia Tenggara anjuran KKBS.



SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERDANA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM
WWW.RECRUITMENT.GOV.BN | WWW.SPA.GOV.BN

IKLAN JAWATAN KOSONG PERKHIDMATAN AWAM

MAKLUMAT LANJUT MENGENAI KEKOSONGAN JAWATAN, SYARAT-SYARAT
KELAYAKAN SERTA HURAIAH TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB BOLEH DILAYARI
DI WWW.RECRUITMENT.GOV.BN

PERINGATAN PENTING

1 Teliti Skim Iklan sebelum memohon.



- 1 Lengkapkan Profil PSCR 2.0 (WWW.RECRUITMENT.GOV.BN)
- 2 Lengkapkan Kelulusan (Keputusan / pangkat serta subjek / bidang kelulusan)
- 3 Muat naik dokumen kelulusan yang lengkap (PDF, transkrip dan pengiktirafan Majlis Kelangsungan Pengiktirafan Kelulusan (PKPK) yang berlauan)
- 4 Tandakan "✓" pada kotak semak "Jawatan Sekarang" di dalam ruangan "Pengalaman Kerja Rajaan"
- 5 Lengkapkan Maklumat (Jurusus / pekerjaan / Apakah Perkhidmatan Awam / Isi身分 / Kelulusan profesional dan latihan yang diperlukan di dalam skem iklan)

2 Profil yang tidak lengkap dan tidak memenuhi syarat kelayakan skim iklan akan ditolak.

+673 7371961 | [PSC.BN](https://www.facebook.com/PSC.BN) | query@spa.gov.bn



Tutup WhatsApp Suruhanjaya Perkhidmatan Awam

PSC.BN

	Jawatan, Tingga Gaji dan Bilangan Iklan	Jabatan dan Kementerian	Kekosongan	Jenis Iklan	Tarikh Tutup Permohonan
1.	PAKAR PEMBIAKAN TUMBUHAN KUMPULAN 2 (BAHAGIAN I) 2023/APR/41	JABATAN PERTANIAN DAN AGRIMAKANAN, KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN	01	7(A) LUAR NEGERI	05 JULAI 2023
2.	PENOLONG PEGAWAI PERPUSTAKAAN TINGKAT II C 1-2 EB 3 (BAHAGIAN III) 2023/MAY/02	JABATAN-JABATAN KERAJAAN	02	7(A)	20 MEI 2023
3.	PEMBANTU JURUPULIH CARA KERJA M.3 EB.4 (BAHAGIAN IV) 2023/MAY/02	KEMENTERIAN KESIHATAN	02	7(A)	20 MEI 2023
4.	JURUTEKNIK BILIK GELAP M.3 EB.4 (BAHAGIAN IV) 2023/MAY/04	JABATAN PERKHIDMATAN PERUBATAN KEMENTERIAN KESIHATAN	02	7(A)	20 MEI 2023
5.	PEMBANTU TUKANG UBAT M.3 EB.4 (BAHAGIAN IV) 2023/MAY/05	JABATAN PERKHIDMATAN FARMASI, KEMENTERIAN KESIHATAN	06	7(A)	20 MEI 2023
6.	PENYEMAK PENERBITAN FATWA D.4 EB.5 (BAHAGIAN IV) 2023/MAY/01	JABATAN MUFTI KERAJAAN JABATAN PERDANA MENTERI	01	7(A)	22 MEI 2023
7.	PEGAWAI TUGAS-TUGAS KHAS TINGKAT II B.2 EB.3 / B.2 (BAHAGIAN II) 2023/MAY/06	PEJABAT WAWASAN BRUNEI JABATAN PERDANA MENTERI	01	7(A)	22 MEI 2023
8.	PEMBANTU TEKNIK KANAN C.2 EB.3 (BAHAGIAN III) 2023/MAY/07	JABATAN PENERBANGAN AWAM KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI	01	7(A)	22 MEI 2023
9.	JURUUKUR B.2 EB.3 / B.2 (BAHAGIAN II) 2023/MAY/08	JABATAN UKUR KEMENTERIAN PEMBANGUNAN	02	7(A)	22 MEI 2023
10.	PENGENDALI MESIN ATUR HURUF GAMBAR TINGKAT I C 1-2 EB.3 (BAHAGIAN III) 2023/MAY/10	PUSAT SEJARAH BRUNEI KEMENTERIAN KEBUDAYAAN BELIA DAN SUKAN	01	7(A)	22 MEI 2023

PERINGATAN:
1. BAGI MELIHAT IKLAN JAWATAN KOSONG, BILA DAFTAR MASUK KE PROFIL PSCR 2.0, KLIK "DASHBOARD SAYA" DAN KEMUDIAN KLIK "IKLAN JAWATAN KOSONG".
2. PEMOHON YANG BUKAN TERDIRI DARI PEGAWAI DAN KANTIGANAN KERAJAAN HANYA BOLEH MELIHAT JAWATAN YANG DIIRKLANKAN DI BAWAH PERATURAN 7(A) SAHAJA.
3. PANDUAN PSCR 2.0 DAN SOALAN-SOALAN LAZIM BOLEH DIPEROLEH DI WWW.RECRUITMENT.GOV.BN



Notis Sebut Harga

Bilangan Sebut Harga :
RTB / K / 11 / 23 - 24

Tajuk Tawaran :
Perkhidmatan Penggambaran dan Pos Produksi (Penyuntingan) Bagi Rancangan Kanak-Kanak Bertajuk 'Little Puzzly' Bahagian Rancangan TV, Radio Televisyen Brunei

Bayaran Sebut Harga :
BND5.00
(Tidak dikembalikan)

(Termasuk e-dokumen)

Bayaran Salinan Kertas Sebut Harga :
BND5.00
(Jika perlu dan tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup Sebut Harga :
Rabu,
24 Mei 2023,
Jam 2.00 Petang



PELITA BRUNEI



JABATAN RADIO
TELEVISYEN BRUNEI
JABATAN PERDANA MENTERI

Notis Sebut Harga

Bilangan Sebut Harga :
RTB / K / 14 / 23 - 24

Tajuk Sebut Harga :
Supply, Delivery and Installation of TV and Accessories for Outside Broadcast Production Gallery

Bilangan Sebut Harga :
RTB / K / 15 / 23 - 24

Tajuk Sebut Harga :
Supply and Delivery of Digital Audio Mixer and Accessories for Outside Broadcast

Bayaran Sebut Harga :
BND5.00
(Tidak dikembalikan)
(Termasuk e-dokumen)

Salinan Kertas Sebut Harga :

BND5.00
(Jika perlu dan tidak dikembalikan)
(Hardcopy)

Tarikh Tutup Sebut Harga :

Rabu,
24 Mei 2023,
Jam 2.00
Petang



KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI



JABATAN PERANCANGAN
EKONOMI DAN STATISTIK
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI

Iklan Jawatan Kajian Perbelanjaan Keluarga (KPK) 2023 / 24 :

Jawatan :
Pekerja Sementara Pengolahan Data

Tempat :
Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik, Kementerian Kewangan dan Ekonomi

Borang permohonan boleh dimuat turun di laman sesawang JPES dan hendaklah diisikan dengan lengkap untuk dikembalikan di Lobby Bangunan JPES dan cawangan JPES di daerah-daerah. Borang permohonan dihantar tidak lewat pada 22 Mei 2023 (Isnin) jam 4.00 Petang.



JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

Dibuka kepada Pemborong-Pemborong Yang Berdaftar Dengan Kementerian Pembangunan Di Dalam

Kelas :
IV / V

Kategori :
M01

Bilangan Tawaran :
JKR / DME / BOP-ACM / 09 / 2023

Nama Projek :
Kerja-Kerja Penggantian Bagi Sistem 'Chillers' Di Bangunan Pusat Kebangsaan Bahagian Industri dan Ekosistem Perniagaan, Block 19, Simpang 32-15, Flat Kerajaan, Anggerek Desa

Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran :
Selasa, 16 Mei 2023

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa, 30 Mei 2023,
Tidak lewat jam 2.00 Petang

Yuran Tawaran :
BND100.00
(Tidak dikembalikan)



JABATAN PERANCANGAN
EKONOMI DAN STATISTIK
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI

Iklan Jawatan Kajian Perbelanjaan Keluarga (KPK) 2023 / 24 :

Jawatan :
Pekerja Sementara Kerja Luar Kajian

Tempat :
Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik, Kementerian Kewangan dan Ekonomi

Borang permohonan boleh turun di laman sesawang JPES dan hendaklah diisikan dengan lengkap untuk dikembalikan di Lobby Bangunan JPES dan cawangan JPES di daerah-daerah. Borang permohonan dihantar tidak lewat pada 22 Mei 2023 (Isnin) jam 4.00 Petang.



JABATAN RADIO
TELEVISYEN BRUNEI
JABATAN PERDANA MENTERI

Notis Sebut Harga


Bilangan Sebut Harga :
RTB / K / 16 / 23 - 24

Tajuk Tawaran :
Pembelian dan Pembekalan Televisyen dan Tablet Hadiah Pemenang Cabutan Kajian Audiens

Bayaran Yuran :
BND5.00
(Termasuk e-dokumen)
(Tidak dikembalikan)

Salinan Kertas (Hard copy) :
BND5.00
(Jika perlu dan tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup Sebut Harga :
Rabu,
7 Jun 2023,
Jam 2.00
Petang



PELITA BRUNEI



**KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,
BELIA DAN SUKAN**

Bilangan Tawaran :
(40)JBS / ADM / QC / 2023

Keterangan :
Membekal dan Menghantar Game Ready Machine (Electronic Ice-Compression Therapy System) or Equivalent - 2 Buah

Bilangan Tawaran :
(41)JBS / ADM / QC / 2023

Keterangan :
Membekal dan Menghantar Portable Physiotherapy Bed - 6 Buah

Bilangan Tawaran :
(42)JBS / ADM / QC / 2023

Keterangan :
To Construct New Drainage At Walkway Area, Multipurpose Hall, Tutong Sports Complex, Ministry Of Culture Youth and Sports, Brunei Darussalam

Bilangan Tawaran :
(43)JBS / ADM / QC / 2023

Keterangan :
Refurbishment Of Existing Monument At Jalan Budiman, Stadium Negara Hassanal Bolkiah

Bilangan Tawaran :
(56)JBS / ADM / QC / 2023

Keterangan :
Perkhidmatan Penyediaan, Pembekalan dan Penyajian Makan/Minum Bagi Program Elit Kecemerlangan Kendalian Jabatan Belia dan Sukan

Bilangan Tawaran :
(54)JBS / ADM / QC / 2023

Keterangan :
Pembelian Peralatan Bagi Pemarkahan Elektronik (Scoreboard) Sukan Lawan Pedang (Multifunctional Fencing Recorder)

Bilangan Tawaran :
(55)JBS / ADM / QC / 2023

Keterangan :
Pembelian Peralatan Facing Time Clock Khusus Bagi Latihan Renang Skim JBS

Yuran Tawaran :
BND10.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup Tawaran :
Khamis,
18 Mei 2023



**JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK
JABATAN PERDANA MENTERI**

Bilangan Tawaran :
JPE / LTK / PDP / 023 / 2023

Tajuk Tawaran :
Provision of Security Guards Services 66/11KV Substations Statewide, Over A Period of Thirty-Six (36) Months

Tarikh Tutup :
Selasa,
6 Jun 2023,
Jam 2.00
Petang

Harga Dokumen :
BND500.00
(Tidak dikembalikan)



**JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK
JABATAN PERDANA MENTERI**

Bilangan Tawaran :
JPE / LTK / PDP / 028 / 2023

Tajuk Tawaran :
Proposed System Studies for The Integration of Solar Power Plant In Brunei Darussalam

Tarikh Tutup :
Selasa,
6 Jun 2023,
Jam 2.00 Petang

Harga Dokumen :
BND30.00
(Tidak dikembalikan)

Tempat Tutup :
Peti Tawaran / Tender Box Lembaga Tawaran Kecil, Jabatan Perdana Menteri, Level B2
Bangunan Jabatan Perdana Menteri, Jalan Menteri Besar Negara Brunei Darussalam

Kelayakan :
Mempunyai Pendaftaran Profesional Electrical Practitioner (M&E) Yang Berdaftar Dengan BAPEQS, Brunei Darussalam

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan lanjut bolehlah diperoleh di Tingkat 4, Bangunan Ibu Pejabat Jabatan Perkhidmatan Elektrik di Unit Tawaran dan Sebut Harga, Jabatan Perkhidmatan Elektrik, Jabatan Perdana Menteri.



Tempat Tutup :
Peti Tawaran / Tender Box Lembaga Tawaran Kecil, Jabatan Perdana Menteri, Level B2
Bangunan Jabatan Perdana Menteri, Jalan Menteri Besar Negara Brunei Darussalam

Kelayakan :
ROCBN
dan
Syarikat Sekuriti Yang Berdaftar Dengan Jabatan Polis Diraja Brunei

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan lanjut bolehlah diperoleh di Tingkat 4, Bangunan Ibu Pejabat Jabatan Perkhidmatan Elektrik di Unit Tawaran dan Sebut Harga, Jabatan Perkhidmatan Elektrik, Jabatan Perdana Menteri.



**JABATAN
PENERBANGAN AWAM
KEMENTERIAN
PENGANGKUTAN DAN
INFOKOMUNIKASI**

Bilangan Sebut Harga :
TERMINAL / 2023-2024 / SH-03

**Sebut Harga
Bagi
"The Supply,
Delivery, Installation
and Commissioning
Of 32" & 42" Flight
Information
Display System (FIDS)
At Brunei International Airport"**

Tarikh Tutup :
Rabu,
24 Mei 2023

Kepada :
Pengerusi Jawatankuasa Sebut Harga, d/a Aras Bawah, Bangunan Ibu Pejabat, Jabatan Penerbangan Awam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi, Bandar Seri Begawan BB2513 Negara Brunei Darussalam.



**JABATAN RADIO
TELEVISYEN BRUNEI
JABATAN PERDANA MENTERI**

Notis Sebut Harga

Bilangan Sebut Harga :
RTB / K / 18 / 23 - 24

Tajuk Sebut Harga :
Membekal, Membinā dan Memasang Meja, Partition dan Frame Led Di Studio Berita, Radio Televisyen Brunei

Bayaran Sebut Harga :
BND5.00
(Tidak dikembalikan)
(Termasuk e-dokumen)

Salinan Kertas Sebut Harga :
BND5.00
(Jika perlu dan tidak dikembalikan) (Hardcopy)

Tarikh Tutup Sebut Harga :
Rabu,
24 Mei 2023,
Jam 2.00 Petang



**JABATAN PENERANGAN
JABATAN PERDANA
MENTERI**

Kenyataan Tawaran

Bilangan Sebut Harga :
(03) INFO / PK / K / 7
(2023-2024)

Tajuk Sebut Harga :
Pembekalan Barang Keperluan Untuk PA Sistem dan Peralatan Keperluan Untuk Kegunaan Program Cawangan Penerangan Daerah Temburong

Yuran :
Tidak
Dikenakan Bayaran

Tarikh Tutup :
Rabu,
17 Mei 2023,
Jam 2.00 Petang



PERATURAN PENGIKLANAN (SEKTOR AWAM / KERAJAAN)



DI PELITA BRUNEI

IKLAN dalam salinan liut (soft copy) hendaklah dihantar dan diterima oleh Meja Iklan bagi **Iklan Tawaran TIDAK kurang dari empat (4) minggu dan Iklan Sebut Harga TIDAK kurang dari dua (2) minggu sebelum tarikh iklan dicadangkan untuk diterbitkan.**

Rang Iklan hendaklah jelas dan mudah dibaca menggunakan **Microsoft Word** dengan **Font ARIAL saiz 12** dan Rang Iklan tersebut **MESTILAH** dihantar menggunakan **BAHASA MELAYU SAHAJA**.

- Sila sertakan dokumen-dokumen yang berkaitan dan nyatakan apa-apa keperluan iklan berkenaan, seperti tarikh terbitan untuk diiklankan dan sebagainya.

Iklan berkenaan bolehlah dihantar melalui :

E-MEL :

iklan.pb@information.gov.bn

BAGI SEBARANG PERTANYAAN SILA HUBUNGKU :

+673 2383400
sambungan Meja Iklan

SETIAP IKLAN YANG DIHANTAR PERLU MENYERTAKAN NAMA DAN NOMBOR TELEFON YANG MUDAH UNTUK DIHUBUNGKU MENGENAI IKLAN TERSEBUT.

RUANG IKLAN ADALAH TERHAD.

IKLAN-IKLAN HENDAKLAH MEMATUHI TERMA DAN SYARAT.



**MAHKAMAH TINGGI
NEGARA BRUNEI
DARUSSALAM**

Di dalam Mahkamah Tinggi
Negara Brunei Darussalam
Di Bandar Seri Begawan

Kes No. BCY / CP / 196 / 2022

Bank Islam Brunei Darussalam
Berhad
- Pemutang Penghakiman /
Pemetisyen

Noraini @ Mardina binti Tengah
(01-063665)
- Penghutang Penghakiman /
Penentang

Notis Perintah Penerimaan

Sila ambil perhatian bahawa :-

a.) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada **18 Mac 2023**.

Nama dan alamat terakhir diketahui :

Noraini @ Mardina binti Tengah
No. 49 A, Jeti 5, Jambatan II,
Jalan Kota Batu, Kampung
Sungai Bunga,
Negara Brunei Darussalam

Tarikh Petisyen :

20 Disember 2022

b.) Semua sipiutang-sipiutang kepada nama Penghutang yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan borang-borang bukti hutang yang boleh diperoleh di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa boleh.

c.) Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar kepada Penghutang tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada **Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.**

Tarikh Petisyen :

5 Disember 2022

Bertarikh :

29 Mac 2023

Notis Kepada Pemutang untuk Perjumpaan Pertama

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh **18 Mac 2023**.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemutang-pemutang mengenai perkara di atas akan diadakan di **Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 1, Bilik (L1-7), Mahkamah Besar pada 19 Jun 2023, jam 10.00 Pagi.**

Bagi membolehkan kamu mengundi di sana bukti-bukti kamu mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan di perjumpaan ini mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada **19 Jun 2023, jam 10.00 Pagi di Mahkamah Besar.**

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada **19 Jun 2023, jam 10.30 Pagi di Mahkamah Besar.**

Mana-mana pihak pemutang yang telah menyerahkan bukti, atau wakil-wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, bolehlah menyatakan penghutang semasa pemeriksaan awam penghutang, mengenai dengan hal-halnya dan juga sebab kegalannya.

Bertarikh :

30 Mac 2023

Notis Kepada Pemutang untuk Perjumpaan Pertama

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh **18 Mac 2023**.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemutang-pemutang mengenai perkara di atas akan diadakan di **Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 1, Bilik (L1-7), Mahkamah Besar pada 19 Jun 2023, jam 10.00 Pagi.**

Bagi membolehkan kamu mengundi di sana bukti-bukti kamu mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan di perjumpaan ini mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada **19 Jun 2023, jam 10.00 Pagi di Mahkamah Besar.**

Mana-mana pihak pemutang yang telah menyerahkan bukti, atau wakil-wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, bolehlah menyatakan penghutang semasa pemeriksaan awam penghutang, mengenai dengan hal-halnya dan juga sebab kegalannya.

Bertarikh :

29 Mac 2023

Kes No. BCY / CP / 292 / 2022

kegalannya.

Bertarikh :

29 Mac 2023

Kes No. BCY / CP / 164 / 2022

1. Hau Kai Chin (01-078267)
2. Hau Kai Long (01-062377)
(Both suing as Executors off the Estate of Hau Man Yong [Deceased])
- Pemutang Penghakiman / Pemetisyen

Azalani bin Salleh (Singapore Identity Card - No. S7631651A)
- Penghutang Penghakiman / Penentang

Notis Perintah Penerimaan

Sila ambil perhatian bahawa :-

a.) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada **9 Mac 2023**.

Nama dan alamat terakhir diketahui :

Azalani bin Salleh
No. 1, Simpang 142-5, Jalan Bukit Sinadur, Kampong Perumanan Negara Panchor Mengkubau, Negara Brunei Darussalam

Tarikh Petisyen :

21 Februari 2023

b.) Semua sipiutang-sipiutang kepada nama Penghutang yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan borang-borang bukti hutang yang boleh diperoleh di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa boleh.

c.) Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar kepada Penghutang tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada **Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.**

Bertarikh :

29 Mac 2023

Notis Kepada Pemutang untuk Perjumpaan Pertama

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh **18 Mac 2023**.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemutang-pemutang mengenai perkara di atas akan diadakan di **Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 1, Bilik (L1-7), Mahkamah Besar pada 19 Jun 2023, jam 10.00 Pagi.**

Bagi membolehkan kamu mengundi di sana bukti-bukti kamu mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan di perjumpaan ini mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada **19 Jun 2023, jam 10.00 Pagi di Mahkamah Besar.**

Mana-mana pihak pemutang yang telah menyerahkan bukti, atau wakil-wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, bolehlah menyatakan penghutang semasa pemeriksaan awam penghutang, mengenai dengan hal-halnya dan juga sebab kegalannya.

Bertarikh :

29 Mac 2023

Kes No. BCY / CP / 292 / 2022

Baiduri Finance Berhad
- Pemutang Penghakiman / Pemetisyen

Merdini binti Haji Mohiddin (00-274119)
- Penghutang Penghakiman / Penentang

Notis Perintah Penerimaan

Sila ambil perhatian bahawa :-

a.) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada **9 Mac 2023**.

Nama dan alamat terakhir diketahui :

Merdini binti Haji Mohiddin No. 1, Simpang 142-5, Jalan Bukit Sinadur, Kampong Perumanan Negara Panchor Mengkubau, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh Petisyen :

21 Februari 2023

b.) Semua sipiutang-sipiutang kepada nama Penghutang yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan borang-borang bukti hutang yang boleh diperoleh di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa boleh.

c.) Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar kepada Penghutang tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada **Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.**

Bertarikh :

29 Mac 2023

Notis Kepada Pemutang untuk Perjumpaan Pertama

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh **9 Mac 2023**.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemutang-pemutang mengenai perkara di atas akan diadakan di **Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 1, Bilik (L1-7), Mahkamah Besar pada 19 Jun 2023, jam 9.30 Pagi.**

Bagi membolehkan kamu mengundi di sana bukti-bukti kamu mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan di perjumpaan ini mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada **19 Jun 2023, jam 9.30 Pagi di Mahkamah Besar.**

Mana-mana pihak pemutang yang telah menyerahkan bukti, atau wakil-wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, bolehlah menyatakan penghutang semasa pemeriksaan awam penghutang, mengenai dengan hal-halnya dan juga sebab kegalannya.

Bertarikh :

29 Mac 2023

Kes No. BCY / CP / 331 / 2005

Baiduri Finance Berhad
- Pemutang / Pemetisyen

1. Samrah bin Moksin (00-114460)
 2. Ali Mutualib bin Moksin (00-123036)
- Penghutang Penghakiman / Penentang



**KEMENTERIAN
PENGANGKUTAN DAN
INFOKOMUNIKASI**

Rujukan Tawaran :
02 / STOR / 2023 - 2024

Tajuk :
Mencetak, Membekal dan Menghantar Cenderahati Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi, Jalan Menteri Besar, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh Tutup :
Rabu,
17 Mei 2023



**JABATAN KEMAJUAN
PELANCONGAN
KEMENTERIAN SUMBER-
SUMBER UTAMA DAN
PELANCONGAN**

Bilangan Tawaran:
JKP / SH / 2023 - 2024 / 09

Tajuk Tawaran :
Brunei MYCE 2023 Event Photography Services

Tarikh Tutup Tawaran :
Khamis, 18 Mei 2023,
Jam 2.00 Petang



Notis Pembatalan

Sila ambil perhatian bahawa Perintah Penerimaan yang dibuat terhadap Penghutang berikut pada **15 Jun 2006** telah dibatalkan pada **30 Mac 2023**.

Nama Penghutang :
Ali Mutualib bin Moksin

Alamat Penghutang :
No. 69, Simpang 31, Jalan Sungai Carana, Perumahan Kampong Panchor (Mengkubau), BU1729, Negara Brunei Darussalam

Bertarikh :
3 April 2023

Nuuror-Raheebah binti Haji Abd Wahab
Timbalan Pegawai Penerima Rasmi
B/P Penerima Rasmi Mahkamah Besar

**JABATAN KEMAJUAN
PELANCONGAN
KEMENTERIAN SUMBER-
SUMBER UTAMA DAN
PELANCONGAN**

Bilangan Tawaran :
JKP / SH / 2023 - 2024 / 13

Tajuk Tawaran :
"Request For Proposal : To Design, Print And Supply Of Brunei Darussalam Tourist Map Brochures Inclusive of Advertising Spaces"

Tarikh Tutup Tawaran :
Khamis,
1 Jun 2023,
Jam 2.00
Petang



JABATAN BANDAR<br

BINCANG HASIL KAJIAN PERBANDINGAN KOGNAT BERSAMA DIALEK MELAYU

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

BERAKAS, Rabu, 10 Mei. - Bulan Julai ditetapkan sebagai Bulan Bahasa dan bagi meraikannya, pelbagai kegiatan yang berkaitan dengan kebahasaan diadakan yang dianjurkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP).

Sehubungan itu, DBP melalui Bahagian Pembinaan dan Pengembangan Bahasa mengambil inisiatif sempena Bulan Bahasa berkenaan dengan mengadakan pelbagai kegiatan sama ada bidang bahasa ataupun sastera, antaranya ialah Tamu Bahasa.

Tamu Bahasa kali ini membawa tajuk 'Perbandingan Kognat Bersama Dalam Dialek Melayu Patani dan Dialek Melayu Teluk Brunei Ragam Sinaut' yang disiarkan secara penstriman langsung melalui aplikasi Zoom dan Facebook DBP.

Pembentangan disampaikan oleh Pensyarah, Fakulti Kemanusiaan dan Sains Kemasyarakatan, Universiti Prince of Songkhla, Pattani, Profesor Dr. Ruslan Uthai sebagai pembicara eksekutif, dan dipengerusikan oleh Pemangku Pengarah DBP, Awang Suip bin Haji Abdul Wahab.

Antara inti pati yang dibincangkan oleh pemakalah


memperlihatkan hasil kajian perbandingan kognat bersama dalam Dialek Melayu Patani dan Dialek Melayu Teluk Brunei Ragam Sinaut, iaitu dari aspek fonologi dan semantik.

Menurut pemapalah, semantik dan bentuk kognat bersama dalam dua dialek berkenaan menunjukkan ada persamaan dan perbezaannya. Manakala daripada aspek fonologi, terdapat perbezaan yang amat ketara.

Berdasarkan hasil kajian berkenaan, dapat dirumuskan bahawa kognat yang merupakan kata turunan daripada Bahasa Melayu Purba dalam Dialek Melayu Patani mengalami banyak perubahan, terutamanya daripada aspek fonologi, jika dibandingkan dengan kognat bersama dalam Dialek Melayu Teluk Brunei Ragam Sinaut.

Faktor utama yang menjadi penyebab perkara berkenaan berlaku ialah pengaruh daripada bahasa-bahasa persekitaran Dialek Melayu Patani yang kebanyakannya bukan bahasa serumpun.

Antara objektif Tamu Bahasa ialah mendapatkan sokongan dan penglibatan pelbagai pihak untuk menyebarkan pengetahuan dan memantapkan bahasa Melayu



TAMU Bahasa kali ini membawa tajuk 'Perbandingan Kognat Bersama Dalam Dialek Melayu Patani dan Dialek Melayu Teluk Brunei Ragam Sinaut' yang disiarkan secara penstriman langsung melalui aplikasi Zoom dan Facebook DBP.

sebagai bahasa rasmi negara; membincangkan pelbagai isu semasa berkaitan bahasa Melayu untuk memantapkan penggunaan bahasa Melayu, istilah-istilah baharu dan tulisan Jawi yang menjadi ciri identiti bahasa Melayu;

dan meningkatkan kesedaran dan kefahaman semua lapisan masyarakat bahawa bahasa Melayu sebagai identiti bangsa Melayu.

Seramai 95 orang pelayar (melalui aplikasi Zoom dan

Facebook) mengikuti penstriman langsung berkenaan, rakan-rakan strategik DBP, para pegawai kanan kerajaan, dan para pencinta bahasa, sastera, dan budaya dari dalam dan luar negara.



Oleh : Nurul Rasyidah Mohamad Rosland
Foto : Ihsan @fotoria.bn

BARU-baru ini, *self-photo studio* semakin menjadi rebutan anak muda mahupun orang dewasa. *Self-photo studio* sesuai untuk mereka yang segan atau ingin bergambar di tempat selesa dan sunyi tanpa gangguan dari orang lain. *Self-photo studio* yang popular di negara Korea Selatan ini mula merebak di Negara Brunei Darussalam. Kini, trend *self-photo* mula menembusi pasaran di negara ini.

Biasanya golongan muda mengambil gambar di tempat yang agak selesa atau sedikit terpencil dengan menggunakan *photobox*, akan tetapi *photobox* hanya boleh memuatkan sekitar empat hingga lima orang sahaja disebabkan keterbatasan bingkai kamera dan tempat yang agak sempit. Jika kita menggunakan perkhidmatan *self-photo studio*, kita boleh mengambil gambar dengan selesa. Sistem *self-photo studio* tidak jauh beza dengan studio foto biasa seperti bilik yang telah disediakan, lengkap dengan latar belakang dan *props* serta kamera digital yang sudah tersedia. Bezanya, jika di studio biasa kita akan menggunakan khidmat jurugambar dari studio tersebut tetapi *self-photo studio* tidak memerlukan jurugambar, hanya alat kawalan jauh tanpa wayar diberikan untuk menekan masa.

Salah sebuah *self-photo studio* yang kini sedang naik dan menarik ramai pengunjung ialah Masamichi Studio yang diasaskan oleh Jason Ong. Studio ini telah meluncurkan projek mereka dengan memperkenalkan Fotoria sebagai projek permulaan mereka. Menurut Jason Ong, studio ini adalah studio pertama yang memberikan perkhidmatan 100 peratus *self-photo studio* di negara ini. Ia mula ditubuhkan pada Februari tahun ini dan peluncurnya dibuat pada 18 April, tiga hari sebelum menjelang Hari Raya Aidilfitri.

Di studio ini, sesi bergambar dilakukan di dalam bilik peribadi yang tersedia dengan

kamera, lampu, televisyen besar dan *backdrop* yang berwarna-warni. Hasil dari tangkapan gambar tersebut, memberi kepuasan kepada pelanggan dan dibuat secara spontan, menyeronokkan dan nampak *natural*. Studio ini juga menyediakan perkhidmatan nilai tambah seperti *digital editing*, *large format printing* dan bingkai gambar yang siap sedia. Sambutan yang amat menggalakkan ini memberikan suasana yang meriah. Hasil dari promosi yang dibuat melalui sosial media seperti TikTok dan Instagram menarik lagi ramai pelanggan untuk berkunjung ke studio ini. Selain itu, ada beberapa pelanggan juga yang telah berkunjung kembali dalam masa seminggu.

Memandangkan studio ini hanya mempunyai tiga buah bilik studio, mereka hanya menerima pelanggan *walk-in* dari jam 11 pagi hingga 8 malam. Ini tidak seperti studio yang biasa, pelanggan perlu menempah awal dan perlu menunggu beberapa hari untuk menunggu gambar itu siap. Kadar harga yang ditawarkan juga tidak terlalu mahal dan mampu milik. Paket yang ditawarkan bermula dengan harga BND18 sesuai untuk mereka yang berpasangan. BND38 dan BND58 adalah paket *best-seller* sesuai bagi mereka yang datang dalam kumpulan kecil dan BND128 adalah paket untuk pelanggan yang mempunyai kumpulan besar.

Apabila ditanya, apakah keunikan perkhidmatan studio ini, Jason Ong menjelaskan perkhidmatan yang ditawarkan sangat cepat, mudah dan menyenangkan. Maklum balas dari pihak ramai juga mendapat sambutan yang positif dan kebanyakan pelanggan menyukainya. Akan tetapi, cabaran yang dihadapi apabila pada waktu bukan hujung minggu, studio kurang dikunjungi orang ramai mungkin

Self-photo studio, mudah, cepat, selesa



disebabkan kebanyakan masyarakat di negara ini yang sedang bekerja pada hari-hari tersebut. Namun, cabaran itu tidak mematahkan semangat mereka untuk meneruskan perkhidmatan tersebut. Justeru, mereka mencari jalan lain seperti memberikan nilai tambah perkhidmatan dan mencari model perniagaan.

Selain itu, Jason Ong juga menambah, untuk perancangan pada masa akan datang mereka merancang untuk membuat lima lagi cawangan dalam masa dua tahun dan menjadikan Masamichi Studio ini sebagai studio foto dan percetakan nombor satu

di negara ini.

Self-photo studio ini mampu memberikan pengalaman baru bagi pelanggan yang sering kali merasa kurang percaya diri sehingga bergambar dengan lebih bebas di hadapan kanta kamera tanpa harus menghiraikan orang lain. Jadi, bagi mereka yang tertanya-tanya apa yang dimaksudkan dengan *self-photo studio* ini dan ingin mencubanya, mereka boleh bertanya lebih lanjut lagi dengan menghubungi talian WhatsApp +673 8225772 atau mengunjungi Instagram dan TikTok @fotoria.bn.

ERATKAN HUBUNGAN SILATURAHIM DI HARI RAYA

Berita dan Foto : Ihsan HM Yusof

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 10 Mei. - Sempena meraikan bulan Syawal yang mulia ini, satu Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri OB & Ex-OB (Unit Siaran Luar) Radio Televisyen Brunei (RTB) diadakan bagi Tahun 1444 Hijrah bersamaan 2023 Masihi.

Majlis yang dihadiri kira-kira 120 orang kakitangan dan mantan kakitangan Unit Siaran Luar (OB & Ex-OB) berkenaan diadakan di Dewan Damai, Aman Hills Hotel.

Majlis bertujuan untuk mengeratkan lagi hubungan silaturahim di antara kru dan mantan kru Unit Siaran Luar serta menyambung semula ikatan persahabatan yang dijalin selama bertugas di RTB kerana ada di antara rakan yang hadir hampir 10 hingga 20 tahun tidak berjumpa semenjak bersara dan meninggalkan RTB.

Beberapa acara menarik diadakan, antaranya persembahan nyanyian ramai Hari Raya daripada Ahli Jawatankuasa, persembahan nyanyian solo daripada kru OB dan mantan kru OB, berkongsi pertukaran hadiah dan cabutan hadiah bertuah.



MAJLIS yang dihadiri kira-kira 120 orang kakitangan dan mantan kakitangan Unit Siaran Luar (OB & Ex-OB) berkenaan diadakan di Dewan Damai, Aman Hills Hotel.

54 pain darah berjaya dikumpul



KEMEN yang disertai oleh para pegawai, kakitangan RTB serta orang ramai berkenaan bermula dari jam 9.00 pagi hingga 3.00 petang dan dikendalikan dengan kerjasama Pusat Pendermaan Darah, Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (atas). Manakala gambar atas kanan, pain darah yang berjaya dikumpul.


BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 10 Mei. - Sebanyak 54 pain darah berjaya dikumpulkan di sepanjang berlangsungnya Kempen Menderma Darah

Siaran Akhbar dan Foto : Radio Televisyen Brunei

bertempat di Kompleks Penyiaran Radio Televisyen Brunei (RTB) Sungai Akar, hari ini.

Kempen yang disertai oleh para pegawai, kakitangan RTB serta orang ramai berkenaan bermula dari jam 9.00 pagi hingga 3.00 petang dan dikendalikan dengan kerjasama Pusat Pendermaan Darah, Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS).

Kempen diadakan bersempena dengan Sambutan Hari Ulang Tahun Perkhidmatan Radio Brunei Ke-66 dan ia dihasratkan untuk membantu meningkatkan stok bekalan darah negara khususnya bagi keperluan para pesakit yang memerlukan.



Selamatkan Usus Awda.
Lakukan Pemeriksaan Kolorektal.

Untuk mengetahui lebih lanjut mengenai program pemeriksaan kanser kolorektal, sila jumpa* Doktor awda hari ini atau layari www.ppkk.gov.bn

*Sasaran pemeriksaan:
Lelaki atau wanita berumur di antara 50 - 75 tahun.

PENGESANAN AWAL DAPAT MENYELAMAT NYAWA
Selamatkan Usus Awda

کمپتنین کمیتین
KEMENTERIAN KESIHATAN
MINISTRY OF HEALTH

KEMPEN diadakan bersempena dengan Sambutan Hari Ulang Tahun Perkhidmatan Radio Brunei Ke-66.

67 PENUNTUT CEMERLANG SEKOLAH SUKAN DIRAIKAN



MANTAN Pengetua Sekolah Sukan, Kluster 3, di Jabatan Sekolah-Sekolah, Matthew Eric Letham semasa menyampaikan hadiah dan sijil kepada pelajar cemerlang (atas), manakala gambar bawah, General Manager & Country Chair, Total Energies, Jerome Saniez menyampaikan sumbangan khas kepada penuntut cemerlang.

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Dk. Nur Hafizah Pg. Osman

SERUSOP, Khamis, 11 Mei. - menerima sijil masing-masing pada Seramai 67 orang penuntut Majlis Penyampaian Anugerah Sekolah Sukan yang menamatkan Penuntut Cemerlang Peperiksaan pengajian pada tahun 2022



bagi tahun 2022 bertempat di Dewan Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Mutawakkilah Hayatul Bolkiah, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, mantan Pengetua Sekolah Sukan, Kluster 3, di Jabatan Sekolah-Sekolah, Matthew Eric Letham.

Turut hadir ialah Ketua Kluster 3, di Jabatan Sekolah-Sekolah, Dayang Hajah Amal Nuriyah binti Haji Ahmad Kumpoh; dan General Manager & Country Chair, Total Energies, Jerome Saniez, selaku penaja dan pemberi sumbangan kepada Sekolah Sukan dalam majlis berkenaan.

Hadir sama, ibu bapa / penjaga dan para penerima anugerah pelajar Sekolah Sukan.

Terdahulu, majlis dimulakan dengan perarakan masuk penerima hadiah dan diteruskan dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran oleh Awang Muhammad Hamizan bin Metali, penuntut Tahun 10.1, Sekolah Sukan dan terjemahannya dibacakan oleh Awang Abdul Wafiq Wafiuuddin Rifa'e bin Haji Roslan juga penuntut Tahun 10.1 Sekolah Sukan.

Majlis diikuti dengan ucapan alu-aluan daripada Pemangku Pengetua Sekolah Sukan, Dayang Hajah Aisah binti Haji Mohd. Salleh selaku Pengerusi Majlis dan diselanjurkan dengan kata alu-aluan daripada tetamu kehormat majlis.

Pada majlis berkenaan, Jerome Saniez menyampaikan sumbangan khas kepada tiga orang penuntut cemerlang daripada aliran akademik dan aliran sukan bagi peperiksaan awam BC GCE 'O' Level / IGCSE bagi Tahun 2022.

Para pelajar terdiri daripada Awang Muhammad Hadi Aziman bin Abdul Rahman daripada aliran akademik yang memperolehi 8 'O' level, iaitu 4A Star dan 4A; atlet Boling, Awang Muhammad Nasrullah Alidon dari aliran sukan yang memperolehi 6 'O' Level, iaitu 1B dan 5C; dan atlet Silat, Awangku Muhd. Azhar Nasrullah

PUISI

Ceria di Aidilfitri

Syukur dan pujian...doa dirafakkan
Kepada Tuhan...limpahan nikmat dan kurnia
Kebahagiaan...kesajahteraan di Aidilfitri mulia
Hari lebaran umat Islam keseluruhannya

Segenap usia...segenap bangsa
Meraikan lebaran yang indah berbahagia
Bertanya khabar...berbahagi cerita
Terjalin kemesraan sesama saudara

Anak-anak ceria berkunjung tiba
Warga berusia terhibur rasa
Ziarah berziarah antara keluarga
Bersalam ayahanda dan bonda tercinta

Duduk berhimpun senyum gembira
Adat keluarga dan bangsa kita
Anak dan cucu menyekujukan mata
Ikhlas bermaafan...lupakan sengketa
Silaturahim semakin bertambah ceria

Sungguh indah nikmat Aidilfitri
Hari kebesaran setahun sekali
Namun hikmahnya banyak didapat
Senyum tertawa anak-anak yang dikasih
Bersama keluarga tercinta di Aidilfitri

Pena Jiwa

bin Pengiran Haji Mohd. Yasrizam Ayub yang memperoleh 6 'O' Level, iaitu 6C.

Majlis juga diteruskan lagi dengan penyampaian sijil-sijil kepada para penuntut yang menamatkan pengajian di Sekolah Sukan pada tahun 2022 yang disempurnakan oleh tetamu kehormat majlis.

Tetamu kehormat majlis juga menyampaikan anugerah kepada para penuntut cemerlang di dalam peperiksaan BC GCE / IGCE 'O' Level bagi tahun 2022, iaitu penuntut yang memperoleh keputusan lima kredit dan ke atas.

Sementara itu, penyampaian hadiah dan sijil bagi Kemajuan Penuntut Terbaik, Pencapaian Penuntut Terbaik dalam Program Am Sains, Pencapaian Penuntut Terbaik dalam Program Am Seni, Pencapaian Terbaik bagi Penuntut Aliran Sukan dan Pencapaian

Penuntut Terbaik Keseluruhan disempurnakan oleh Pemangku Pengetua Sekolah Sukan.

Pada majlis berkenaan juga, ucapan khas turut disampaikan oleh wakil penuntut daripada Tahun 11.1, Awang Mohammad Syafiq Masliandi Shah bin Mohammad Masdi sebagai wakil penerima hadiah 'Best Student', diikuti dengan penyampaian sijil penghargaan kepada guru-guru Tahun 11 dan para jurulatih serta penyampaian cenderamata oleh Timbalan Pengetua Sukan, Awang Haji Azrin bin Haji Aji kepada Matthew Eric Letham.

Doa Selamat dibacakan oleh Pegawai Pelajaran Sekolah Sukan, Awang Haji Md. Azrol Azmin bin Haji Ahmad.

Sebelum bersurai, para penerima hadiah dan sijil mengadakan sesi bergambar ramai bersama tetamu kehormat majlis.

KUIZ KENEGARAAN



SOALAN 01

- Bilakah tarikh penubuhan Jabatan Penerangan?
A. 1 April 1952
B. 1 Mei 1952
C. 1 Jun 1952
- Pelita Brunei keluaran Hari Sabtu dikenali sebagai?
A. Edisi Ketiga Setiap Minggu
B. Edisi Hujung Minggu
C. Edisi Mingguan
- Diawal penubuhannya pada tahun 1952, Jabatan Penerangan dikenali sebagai?
A. Bahagian Penerangan
B. Perkhidmatan Penyiaran dan Penerangan
C. Perkhidmatan Penerangan Brunei
- Jabatan Penerangan mempunyai satu program yang menyalurkan maklumat rasmi kerajaan kepada orang ramai secara bersemuka melalui persembahan pentas sejak tahun 1988.
Sila nyatakan nama program berkenaan:
- Sila nyatakan nama aplikasi mudah alih Jabatan Penerangan dan bilakah tahun ianya dilancarkan:

TARIKH TUTUP PENYERTAAN
17 Mei 2023 (Rabu), Jam : 4.30 petang

13 Mei 2023 dan 20 Mei 2023

ANJURAN JABATAN PENERANGAN, JABATAN PERDANA MENTERI
SEMPENA SAMBUTAN MEMPERINGATI PENUBUHAN JABATAN PENERANGAN
KE-71, TAHUN 2023

SYARAT-SYARAT PENYERTAAN

- Kuiz dibuka kepada orang ramai berumur 12 tahun dan keatas (kecuali pegawai dan kakitangan Jabatan Penerangan serta ahli keluarga).
- Hanya dibenarkan menghantar satu (1) penyertaan sahaja.
- Sila hantarkan jawapan beserta maklumat di bawah dengan betul dan lengkap ke alamat e-mel berikut: unit.kenegaraan@information.gov.bn

KETERANGAN PESERTA

Nama: _____
No. Kad Pengenalan: _____
Tarikh lahir & Umur: _____
Nombor Telefon: _____

HADIAH PEMENANG

- Pemenang adalah dihadkan kepada 5 pemenang sahaja. Undian akan dilakukan jika ramai yang berjaya menjawab dengan tepat.
- Para pemenang akan menerima hadiah berupa voucher bernilai BND50 setiap seorang.
- Para pemenang akan dihubungi untuk mengambil hadiah.



Sayangi, peduli, hormati keluarga kitani

Oleh : Hezlinawati Haji Abdul Karim
Foto : Jabatan Penerangan

KELUARGA adalah institusi terpenting bagi sesebuah masyarakat kerana dari sinilah lahirnya individu yang bakal menjadi tulang belakang kepada pembangunan dan kejayaan sesebuah bangsa dan negara. Keluarga yang kukuh dan mantap sudah tentu dapat menjamin kesejahteraan hidup bermasyarakat dan bernegara. Dalam sesebuah keluarga itu, setiap anggotanya memainkan peranan penting bagi mewujudkan kemantapan sesebuah institusi keluarga.

Bagi meningkatkan kesedaran terhadap pentingnya institusi keluarga, Negara Brunei Darussalam menyambut Hari Keluarga Antarabangsa melalui Sambutan Hari Keluarga Kebangsaan (HKK) pada setiap Ahad pertama dalam bulan Mei sejak 2012 di peringkat negara selaras dengan pengiktirafan unit keluarga sebagai institusi yang terpenting dalam masyarakat oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB). Pada tahun ini, sambutan diadakan pada 7 Mei 2023. Seperti tahun-tahun terdahulu, sambutan adalah bertujuan untuk mengukuhkan hubungan kekeluargaan dan meningkatkan lagi kesedaran terhadap isu-isu berkaitan dengan keluarga, lebih-lebih lagi dalam konteks trend global dan perubahan semasa yang telah dan terus membawa perubahan

signifikan kepada struktur institusi keluarga.

Fokus sambutan

Dengan tema 'Keluargaku Harapanku' sambutan tahun ini memfokuskan pada menanai nilai-nilai teras kekeluargaan dan juga dalam setiap lapisan masyarakat iaitu menyayangi, memeduli, menghormati dan juga bertanggungjawab. Memandangkan keperluan bagi mengukuhkan nilai teras kekeluargaan tersebut adalah penting pada ketika ini, nilai-nilai berkenaan juga digunakan selaku teras dalam perancangan dan pengukuhan dasar, pengenalan perkhidmatan dan juga program-program pembangunan institusi keluarga.

Dalam hal ini sifat saling menyayangi sememangnya harus wujud dalam sesebuah keluarga kerana memang sudah lumrah bahawa dalam kehidupan kita perlu ada kasih sayang di antara ahli keluarga. Oleh itu, binalah kasih sayang bersama keluarga bagi mewujudkan kebahagiaan dan keharmonian sepanjang masa. Dengan adanya kasih sayang itu, maka akan bahagialah kehidupan berkeluarga mahupun bermasyarakat. Selain itu sifat pemelulian dalam kalangan anggota keluarga juga penting ke arah pembentukan struktur sesebuah keluarga itu. Sebagai contoh, ibu bapa adalah bertanggungjawab untuk sentiasa memeduli dan menyediakan tempat-tempat yang selesa untuk anak-anak membesar. Dengan adanya sifat pemelulian ini, anak-anak akan

berasa disayangi dan setentunya akan melakukan perkara yang sama kepada ibu bapa mereka dan secara tidak langsung ini akan mengukuhkan lagi hubungan kekeluargaan.

Saling menghormati juga merupakan nilai teras keluarga yang harmoni. Hormat yang dimaksudkan itu adalah dalam pelbagai aspek seperti menghormati privasi masing-masing mahupun menunjukkan rasa hormat melalui percakapan, bukan hanya yang muda menghormati yang lebih tua malah yang lebih berusia juga harus menghormati yang lebih muda. Selain itu, setiap anggota keluarga dari anak-anak hingga ibu bapa dan juga ahli keluarga yang lain mesti mempunyai dan memainkan peranan dan tanggungjawab masing-masing bagi mewujudkan keluarga yang lebih mantap.

Penglibatan

Sambutan tahun ini juga berkonsepkan seperti sambutan pada tahun-tahun sebelumnya yang memerlukan Pendekatan Senegara (Whole of Nation Approach). Semua pihak termasuk agensi-agensi kerajaan, NGO, swasta termasuk institusi mukim dan kampung digalakkan untuk menyambut Hari Keluarga melalui pelaksanaan beberapa inisiatif yang menjurus kepada fokus sambutan iaitu menyayangi, memeduli, menghormati dan juga bertanggungjawab. Antara

program-program yang dirancang pada tahun ini termasuklah Majlis Kesukuran sempena Sambutan HKK dan juga Bacaan Doa Keluarga, Program Anakku Kesayanganku, Festival Keluarga Harmoni, Forum Keluargaku Harapanku, Mu'tamar Antarabangsa Fiqh Al-Usrah dan lain-lainnya.

Berilah sokongan pada keluarga *kitani*. Apa yang penting, luangkanlah masa bersama keluarga walau sesibuk mana pun *kitani*. Jika adanya masalah dalam kalangan ahli keluarga, berusahalah untuk mencari jalan penyelesaian melalui perbincangan. Apatah lagi hidup dalam dunia teknologi yang serba mencabar ketika ini boleh menjadikan sesebuah keluarga tinggal sebumbung tanpa komunikasi atau berbulu mesra. Sesungguhnya hubungan sesebuah keluarga itu bergantung kepada ikatan mesra dan kasih sayang antara ibu bapa, anak-anak dan ahli-ahli keluarga yang lain. Oleh itu, membina kasih sayang sesama ahli keluarga adalah tunjang utama bagi mencapai kebahagiaan dan keharmonian hidup dan akan tetap terpelihara sepanjang masa.

Dengan adanya Sambutan HKK seperti ini diharap akan dapat menjadi wadah atau platform untuk menggalakkan masyarakat membina keluarga bahagia, harmoni dan juga berdaya tahan. Luangkan masa yang berkualiti bersama keluarga biskita dan bersama-sama memeduli keluarga bagi menjamin kekuahan institusi keluarga.





ISTANBUL, 12 Mei. - Gergasi teknologi AS, Google memperkenalkan alatan kecerdasan buatan (AI) terbaharunya, chatbot, peranti mudah alih dan inovasi lain semasa persidangan pembangunan I/O anjurannya pada Rabu, lapor Anadolu.

Menurut syarikat itu, ia membangunkan model bahasa tujuan am baharu, dinamakan PaLM 2 yang boleh bertindak balas kepada input manusia dengan menjana teks seperti manusia.

Naib Presiden Google DeepMind Zoubin Ghahraman berkata model bahasa baharu itu, yang sedang digunakan kira-kira 20 produk

GOOGLE PERKENAL ALATAN AI BAHARU, CHATBOT, PERANTI MUDAH ALIH

baharu Google, boleh melakukan penjanaan bahasa semula jadi, penaakulan dalam terjemahan bahasa, selain menjalankan tugas dalam matematik dan pembangunan perisian.

Firma itu turut menaik taraf chatbot kecerdasan buatan Bard yang bersaing dengan OpenAI ChatGPT yang disokong Microsoft.

Bard, yang dipindahkan ke model bahasa PaLM 2 akan disediakan dengan keupayaan baharu. Walaupun chatbot sudah menjawab soalan dalam bahasa Inggeris, Jepun dan Korea, ia akan diperluas kepada 40 bahasa tidak lama lagi.

Bard juga mampu menyampaikan maklumat kepada pengguna daripada perkhidmatan

Google lain, seperti Gmail, Maps, Docs dan Sheets, menurut syarikat itu.

Ciri 'Immersive View' pada Google Maps membolehkan pengguna melihat laluan mereka menggunakan visual dijana AI, memberikan mereka maklumat masa sebenar tentang cuaca, trafik dan data lain.

Sementara itu bagi peranti mudah alih, firma teknologi itu memperkenalkan telefon boleh lipat pertamanya, Google Pixel Fold yang disifatkan telefon boleh

lipat paling nipis di pasaran dengan skrin 5.8 inci (14.7 sentimeter) yang boleh dilipat hingga paparan 7.6 inci (19.3 sentimeter) dengan tanda harga US\$1,799.

Google turut memperkenalkan telefon pintar Android Pixel 7a bajetnya yang berharga US\$499, dan Pixel Tablet yang bermula pada US\$499. - ©BERNAMA

Kenya : 21 lagi mayat mangsa pemujaan ditemukan

NAIROBI, 10 Mei. - Polis Kenya pada Selasa menemukan 21 lagi mayat dari kubur di bandar Malindi, yang disyaki dijadikan sebagai tempat untuk melakukan aktiviti pemujaan.

Polis berkata setakat ini 133 mayat telah ditemukan sejak penemuan kubur besar itu di sebidang tanah di hutan Shakahola pada akhir April.

Kebanyakan mangsa terdiri kanak-kanak, lapor Xinhua.

Pada April polis menyerbu kawasan milik paderi dikenali Paul Nthenge selepas menerima maklumat daripada orang awam.

Setiausaha Kabinet di Kementerian Dalam Negeri dan Pentadbiran Negara, Kithure Kindiki, berkata proses menggali kubur itu dibuat dengan berhati-hati untuk melindungi maruah dan privasi keluarga mangsa.

Beliau berkata usaha mencari dan menyelamat sedang dijalankan dengan 65 orang telah diselamatkan dari belukar setakat ini, termasuk dua yang telah diselamatkan sebelum ini.

Presiden Kenya William Ruto menyifatkan insiden itu sebagai keganasan dan telah mengumumkan pembentukan sebuah suruhanjaya siasatan untuk menyiasat kejadian berkenaan. - ©BERNAMA

Chicago keluarkan dekri darurat susulan kebanjiran migran

CHICAGO, 10 Mei. - Chicago, bandar raya ketiga terbesar di Amerika Syarikat (AS) pada Selasa, mengisyiharkan darurat susulan peningkatan aliran masuk migran yang melebihi kadar kemampuan bandar itu untuk mengurus.

Datuk Bandar Chicago, Lori Lightfoot, berkata di bawah perintah eksekutif yang dikeluarkan pada Selasa itu, beliau mempunyai kuasa untuk meminta gabenor Illinois mengerakkan Pengawal Kebangsaan untuk menyediakan kakitangan dan sokongan logistik bagi menangani darurat di Chicago.

Chicago turut meminta kerajaan persekutuan dan negeri untuk menyokong pembiayaan dan sumber tambahan yang sangat diperlukan dari segi tempat perlindungan dan penempatan semula.

Bermula dari 31 Ogos 2022, Chicago mula menerima bas yang dihantar oleh negeri Texas, yang membawa individu dan keluarga dari Amerika Tengah dan Selatan mencari suaka di AS.

Sejak itu, kehadiran pencari suaka terus meningkat di Chicago dan kemasukan mereka sama ada menggunakan kapal terbang, bas atau berjalan kaki, kata Lightfoot.

Akibat kekurangan ruang yang ada dan semua kemudahan penuh, ratusan pendatang kini berlindung sementara di balai polis, lapor Xinhua.

Sejak Ogos 2022, Chicago telah menerima lebih 8,000 migran yang tiba dari Texas, dengan 48 lagi pendatang tiba pada Selasa. - ©BERNAMA

Ketua PBB terima Anugerah Carlos V

MADRID, 10 Mei. - Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB), António Guterres, menerima Anugerah Carlos V daripada Raja Sepanyol, Raja Felipe VI, pada satu majlis di Biara Yuste di bandar Cáceres di barat Sepanyol pada Selasa.

Anugerah itu diberikan kepada individu yang telah menyumbang kepada pemahaman dan penghayatan tentang budaya, nilai saintifik serta proses penyatuan masyarakat Eropah, lapor Xinhua.

Dalam ucapannya, Guterres, menyeru kepada perdamaian sebagai 'senjata diplomatik' dan bukan dengan menggunakan peluru untuk membantu menamatkan konflik di seluruh dunia.

"Keamanan tidak boleh dipandang remeh atau diambil mudah. Kita mesti bekerja untuknya setiap hari, tanpa rehat. Dalam dunia yang sekarang, kita mesti memulihkan perpecahan, mencegah peningkatan kekacauan, mendengar rintihan. Apa yang kita perlukan ialah senjata diplomatik," katanya. - ©BERNAMA

SpaceX lancar stesen angkasa komersial pertama pertengahan 2025

WASHINGTON, 11 Mei. - SpaceX pada Rabu mengesahkan ia menandatangani kontrak untuk melancarkan stesen angkasa komersial pertama di dunia.

Syarikat berkenaan turut akan melakukan penerbangan angkasa lepas dikendalikan manusia sejurus selepas melancarkan stesen itu ke orbit selewat-lewatnya Ogos 2025, lapor United Press International (UPI) memetik kenyataan SpaceX.

Stesen angkasa Haven-1 sedang dibangunkan oleh Vast, sebuah syarikat aeroangkasa persendirian berpangkalan di Long

Beach, California.

"Misinya adalah untuk menyumbang kepada masa depan yang berbilion manusia hidup dan berkembang maju di angkasa, masa depan populasi manusia dan sumber kita berkembang jauh melebihi imaginasi semasa kita," menurut kenyataan itu.

Vast dibiayai sepenuhnya oleh bilionair yang juga pengasas serta Ketua Pegawai Eksekutif syarikat, Jed McCaleb. SpaceX akan menggunakan roket Falcon 9 untuk membawa stesen Haven-1 ke orbit.

Kru SpaceX kemudiannya akan menggunakan kapal angkasa Dragon yang boleh diguna semula syarikat itu untuk sampai ke stesen angkasa dan berada di orbit sehingga 30 hari.

SpaceX juga akan menyediakan latihan kru, serta sut angkasa dan latihan masuk dan keluar kapal angkasa selain menjalankan simulasi misi sebagai sebahagian daripada perjanjian dengan Vast. Pemilihan kru sedang dijalankan dan mereka yang terpilih akan diumumkan kemudian. - ©BERNAMA

Pengembara China sanggup berbelanja untuk melancong ke luar negara - Laporan

BEIJING, 11 Mei. - Pertumbuhan pasaran perjalanan keluar China dijangka kekal kukuh pada tahun ini apabila permintaan mencetuskan ledakan pelancongan dan lebih ramai pengembara menuju ke luar negara pada musim panas ini, lapor Xinhua Khamis, memetik China Daily.

Memetik laporan oleh syarikat Mastercard, pelancong yang melancong ke luar negara sanggup berbelanja lebih dan tinggal lebih lama di luar negara selepas China mengoptimumkan tindak balas wabaknya lewat tahun lalu.

Berbanding dengan tempoh

antara Januari 2019 dan Mac 2020, purata masa perjalanan meningkat daripada sembilan kepada 11 hari dan keseluruhan belanjawan per kapita untuk perjalanan keluar telah menokok daripada 34,300 yuan (kira-kira US\$4,964) kepada 39,800 yuan, peningkatan sebanyak 16 peratus.

Laporan itu juga mendapati, pengembara berpendapatan tinggi yang kerap melakukan perjalanan ke luar negara sebelum wabak COVID-19 tidak keberatan untuk melancong ke luar negara lagi.

Golongan paling ramai tidak

keberatan berbelanja untuk ke luar negara adalah dalam kalangan mereka yang berumur antara 21 dan 45 tahun.

"Pelancong China yang sudah tiga tahun tidak melancong ke luar negara tidak sabar untuk keluar semula."

"Apabila mereka melancong ke luar negara sekali lagi, tingkah laku penggunaan mereka telah berubah dengan ketara. Mereka meneroka cara dan trend baru mengembara di peringkat global," kata Dennis Chang merangkap Presiden Mastercard (bahagian China). - ©BERNAMA

Seoul bakal adakan ujian penerbangan 'kenderaan terbang' tahun depan

SEOUL, 11 Mei. - Kerajaan bandar raya Seoul bakal menjalankan ujian penerbangan 'kenderaan terbang' di laluan antara Yeouido dan Jamsil pada tahun depan sebagai sebahagian projek untuk mengkomersialkan pengangkutan baru di kawasan bandar.

Kenderaan terbang yang dikenali sebagai mobiliti udara bandar (UAM), menggunakan pesawat automatik untuk pengangkutan penumpang atau kargo di altitud lebih rendah dalam kawasan bandar dan pinggir bandar tanpa memerlukan landasan.

Korea Selatan menyasarkan untuk menggunakan kenderaan sedemikian dalam perkhidmatan pengangkutan di kawasan metropolitan menjelang tahun

2025, lapor Agensi Berita Yonhap, memetik seorang pegawai.

Kerajaan bandar raya Seoul bersama Kementerian Tanah akan menjalankan ujian demonstrasi sebanyak dua peringkat pada separuh kedua tahun ini untuk mengesahkan dan memastikan keselamatan projek itu.

Bandar ini akan menjalankan kajian peringkat pertama di kawasan terbuka pada separuh kedua tahun ini dan memilih pengendali projek serta melancarkan ujian peringkat kedua untuk kawasan ibu kota pada tahun depan.

Laluan penerbangan, keselamatan dan rangkaian penerbangan,

pencemaran bunyi serta lain-lain akan tertakluk kepada ujian di peringkat kedua.

Beberapa laluan penerbangan telah dipilih untuk ujian peringkat kedua, termasuk jarak 18 kilometer (km) antara Lapangan Terbang Antarabangsa Gimpo ke daerah barat Yeouido dan laluan 8 km antara daerah selatan Jamsil dan Suseo serta di dua laluan masing-masing di wilayah Gyeonggi dan Incheon di barat Seoul.

Bandar raya Seoul juga sedang dalam proses mencari lokasi untuk menjadi tuan rumah vertiport, pendaratan atau platform berlepas untuk kenderaan UAM. - ©BERNAMA



FOKUS SUKAN

Sukan Memanah berpotensi untuk dimajukan

Oleh : Abu Bakar Haji Abdul Rahman
Foto : Jabatan Penerangan

KETIKA ini masyarakat di Asia Tenggara sedang sibuk memperbaikkan pencapaian negara masing-masing dalam menghasilkan kutipan pingat di Sukan SEA Kemboja 2023 dengan menumpukan kepada pelbagai acara sukan yang disertai dan tidak ketinggalan juga bagi penduduk di negara ini.

Ini merupakan kali pertama Negara Kemboja menjadi tuan rumah kepada sukan terbesar di Asia Tenggara dengan mempertandingkan sebanyak 37 sukan.

Pada penyertaan kali ini Negara Brunei Darussalam telah menyertai sebanyak 12 acara sukan antaranya Renang, Karate, Pencak Silat, Petanque, Wushu, Lawan Pedang dan Badminton.

Menyentuh jenis-jenis sukan ini, sukan Memanah mungkin berpotensi untuk dikembangkan dan dimajukan di negara ini sekalipun sukan tersebut masih dianggap baharu di sekeliling kehidupan kita.

Walhal kewujudannya telah mencapai ribuan tahun lalu dan termasuk kepada sukan paling lama selain Lawan Pedang dan Renang. Malah sukan ini merupakan sukan yang dipertandingkan pada peringkat Sukan SEA, Sukan Asia, malah di Sukan Olimpik.

Pada akhir-akhir ini sukan memanah kian popular dan telah banyak menarik minat masyarakat

badan terutama pada bahagian buh selain mempunyai prestasi yang tinggi dalam keupayaan memanah ke sasaran yang tepat.

Terdapat tiga fasa cara memanah iaitu pendirian, membidik dan pandangan.

Dalam melakukan aktiviti sukan ini, kecederaan tidak dapat dielakkan sekiranya tidak mengikuti peraturan dan aspek-aspek keselamatan terutama dalam mengendalikan busur panah. Antara kecederaan yang sering berlaku pada atlet memanah ini ialah seperti tergeliat, patah, lebam, bengkak dan sebagainya.

Kebiasaan kecederaan ini disebabkan oleh pengaruh berat busur, kurangnya keseimbangan badan serta terlalu banyaknya anak panah yang dilepaskan.

Di negara ini terdapat, sebuah kelab memanah tradisional yang mempunyai Pusat Akademiknya yang dikenali sebagai Pusat Akademi Sukan Memanah Ar-Rafi (PASMA) yang dibuka rasmi pada tahun 2017 terletak di Kampung Jangsak.

Penubuhan Pusat Akademik ini adalah bagi Kursus Akademik Memanah dan Latihan Dalam Bangunan yang menjurus kepada pendidikan dan kajian ilmiah berkoncepcian Islam, strategi, latihan dan keselamatan.

Beberapa aktiviti dan jenis memanah juga dikendalikan oleh pusat tersebut yang menjurus kepada kesukanan, latihan, kebudayaan, permainan dan akademik.

Misi kelab ini adalah bagi membantu meningkatkan minat kesukanan terutama aktiviti memanah sebagai aktiviti kesukanan yang akan diketengahkan sehingga ke sukan antarabangsa.

Menanggapi perkara tersebut Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh berkata kementeriannya melalui pihak sekolah sangat-sangat mengalu-alukan aktiviti-aktiviti kokurikulum tersebut selagi mana ia mendukung pelaksanaan program sahsiah pelajar.

Pada saat ini terdapat lima buah sekolah telah menjalankan aktiviti memanah dengan kerjasama Pusat Akademi Sukan Memanah Ar-Rafi, manakala dua buah sekolah baru-baru ini juga telah menyatakan hasrat untuk menubuhkan Kelab Memanah Sekolah dengan kerjasama PASMA.

Di institusi pengajian tinggi pula, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) melalui Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa telah mengadakan Bengkel Sukan Memanah sebagai salah satu pilihan modul kokurikulum dan menjadikannya sebagai salah satu acara sukan tahunan UNISSA.

Sementara itu Universiti Teknologi Brunei (UTB) juga telah mengadakan Kelab Memanah sebagai salah satu pilihan aktiviti kokurikulum di universiti tersebut.

Justeru dengan adanya perkembangan yang positif ini tidak mustahil sukan Memanah akan menjadi sukan pilihan di negara ini dan bakal diminati ramai iaitu dengan mengikuti serta mematuhi syarat dan peraturan yang ditetapkan oleh pihak-pihak berkuasa.

Dilihat dari perkembangan sukan ini ia menepati pada sasaran iaitu bermula dari peringkat usia muda (sekolah rendah) sebagaimana sukan-sukan lain berkembang di negara ini.



SUMBANGAN KONTINJEN KARATE HARUMKAN NAMA NEGARA



SETIAUSAHA Tetap (Kesukunan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan hadir menyambut kepulangan kontinjen dan juga turut menyampaikan ucapan penghargaan tahniah sekali gus mengalungkan sesandang kepada kedua-dua atlet Karate yang berjaya.

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmad
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 10 Mei. - Kontinjen Karate Negara Brunei Darussalam yang terdiri daripada 12 atlet berserta tiga orang pegawai selamat mendarat di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei, awal pagi tadi.

Skuad Karate kebangsaan mengharumkan nama negara dengan berjaya memperoleh dua

pingat gangsa di temasya Sukan Asia Tenggara (Sukan SEA) Ke-32 di Phnom Penh, Kemboja pada kali ini.

Hadir menyambut kepulangan kontinjen di sini, Setiausaha Tetap (Kesukunan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Pengiran Mohammad Amirrizal bin Pengiran Haji Mahmud yang juga turut menyampaikan ucapan

penghargaan tahniah sekali gus mengalungkan sesandang kepada kedua-dua atlet Karate yang berjaya.

Atlet sukan Karate negara berjaya membawa pulang dua pingat gangsa melalui Muhd Harith bin Dahlan bagi acara Kumite Lelaki bawah 55 kilogram dan Md. Izzuddin Irfan bin Md. Faizal bagi acara Kumite Lelaki kategori 84 kilogram ke atas.

Semasa ditemu bual Pelita Brunei, Muhd Harith teruja dengan

pengalaman manisnya dan tak dapat dilupakan meskipun julung kali bertanding pada peringkat antarabangsa namun bersyukur kerana hadiah berkenaan dapat mengharumkan nama negara dengan mendapat pingat gangsa di Sukan SEA kali ini.

Pemuda berusia 19 tahun berkenaan juga sempat berkongsi pengalaman bahawa penglibatannya di Sukan SEA berkenaan banyak cabaran yang dilaluinya sama ada dari segi fizikal dan mental.

Dalam kategori yang diikutinya, Muhd Harith menentang pesaing dari Malaysia dan Laos.

"Saya tewas di babak perlawanan pertama dan menang di perlawanan kedua sebanyak 6 - 2 ke atas Laos. Walaupun tewas di babak pertama, bukan alasan saya untuk tewas di babak kedua," ujar pemuda yang sudah mencebur ke dalam Karate sejak usia 12 tahun itu.

Setelah mendapat kejayaan berkenaan, setentunya Muhd Harith nekad untuk tingkatkan lagi usaha sehingga mencapai kejayaan yang lebih tinggi lagi demi menjulang nama negara ke peringkat global.

Sementara pemenang pingat gangsa bagi acara Kumite Lelaki kategori 84 kilogram ke atas pula tidak dapat dihuraikan dengan kata-kata kerana terharu dan tidak menyangka penyertaan kali pertamanya berkenaan membawa hasil apabila berjaya meraih pingat gangsa bagi kategori tersebut.

Kejayaan Mohammad Izzuddin Irfan berkenaan terhasil setelah bertarung tenaga menewaskan para pesaing daripada lima buah negara yang lain.

Demi memajukan prestasi dan kemahiran dalam seni Karate berkenaan, pemuda berusia 28 tahun itu berharap agar diberi peluang untuk menimba pengalaman membuat latihan terutama di luar negara bagi persediaan Sukan Asia (Asian Games) di penghujung tahun ini nanti.

Tahniah buat skuad Karate negara atas kejayaan dan prestasi yang dicurahkan dan semoga akan terus maju dan lebih menyumbang pungutan pingat pada masa hadapan.

2 atlet Weightlifting berlepas ke Sukan SEA



SETIAUSAHA Tetap (Kesukunan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan berada di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei bagi mengucapkan selamat baylor kepada Kontinjen Negara Brunei Darussalam ke Sukan Asia Tenggara (Sukan SEA) Ke-32 bagi kumpulan terakhir berlepas ke Phnom Penh, Kemboja.

BERAKAS, Khamis, 11 Mei. - Kontinjen Negara Brunei Darussalam ke Sukan Asia Tenggara (Sukan SEA) Ke-32 bagi kumpulan terakhir telah berlepas ke Phnom Penh, Kemboja hari ini.

Kontinjen terdiri daripada dua atlet iaitu Awang Mohammad Nashrul bin Haji Abu Bakar dan Dayang Liyana Safiah binti Haji Sidek serta Pengurus sukan Weightlifting, Awang Muhammad Nazri bin Haji Saman.

Para atlet masing-masing akan bertanding dalam Kategori Men's U61kg dan Women's U49kg.

Awang Mohammad Nashrul

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Dk. Nur Haflah Pg. Osman

ketika ditemui menjelaskan, kedua atlet telah membuat persediaan tanpa henti sejak menyertai Commonwealth Games tahun lepas dan mereka sudah bersedia untuk bertanding dalam Sukan SEA ini. Beliau berharap mereka akan dapat melakukan yang terbaik semasa bertanding nanti.

Berada di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei bagi mengucapkan selamat baylor seterusnya memberikan kata-kata nasihat kepada kontinjen negara ialah Setiausaha Tetap

(Kesukunan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), Pengiran Mohammad Amirrizal bin Pengiran Haji Mahmud.

Turut hadir ialah Pemangku Pengarah Belia dan Sukan, Awang Haji Mohamad Rosfazilah bin Haji Yusly serta pegawai-pegawai Jabatan Belia dan Sukan, KKBS.

Pertandingan sukan Weightlifting akan bermula pada Sabtu, 13 Mei 2023 bertempat di Taekwondo Hall, Olympic Complex.

Arbisyam FC, BIBD SRC raih 3 mata

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Ihsan Persatuan Bola Sepak Brunei Darussalam

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 10 Mei. - Arbisyam FC berjaya menewaskan pasukan Qahar FT 2-1 pada saingan Liga Futsal Brunei 2023 yang berlangsung di Dewan Serbaguna, Bolkiah Garison, semalam.

Seawal lima minit perlawanan, Arbisyam FC membolosi gawang lawan hasil sepakan Abdul Mansyor Jalilah bin Haji Ishak.

Namun pada minit ke-16, Qahar FT berjaya menyamakan kedudukan menerusi jaringan Md Noredry Effandy Safian Safuan Tullah bin Mohd Sufian.

Arbisyam FC sekali lagi menjaringkan gol keduanya melalui jaringan yang dilakukan oleh Mohammad Aznil bin Md Ali pada minit ke-36.

Sementara itu, pertemuan di antara BIBD SRC dengan Street Utd menyaksikan kemenangan berpihak kepada BIBD SRC yang berkesudahan 4-3.

Perlawanan seterusnya akan berlangsung pada 13 Mei ini bertempat di Dewan Serbaguna, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, Berakas yang mana perlawanan akan menyaksikan PES bertemu Almeraz FC dan kemudian, Kota Rangers bertemu GG-ISC.



SEKITAR aksi perlawanan pada saingan Liga Futsal Brunei 2023.

KONTINJEN NEGARA SELAMAT PULANG KE TANAH AIR



YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan hadir bagi menyambut ketibaan kontinjen negara dan mengalungkan sesandang serta memberikan ucapan tahniah kepada kontinjen di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei.

BERAKAS, Jumaat, 12 Mei. - Kontinjen Negara Brunei Darussalam yang terdiri daripada pasukan Pencak Silat, Badminton dan Aquatics telah pulang ke tanah air selepas berada di Phnom Penh, Kemboja bagi Sukan Asia Tenggara (Sukan SEA) Ke-32.

Hadir bagi menyambut ketibaan kontinjen negara dan mengalungkan sesandang serta

memberikan ucapan tahniah kepada kontinjen di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei ialah Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi bin Haji Mohamad.

Pasukan Pencak Silat Wanita negara yang terdiri daripada Anisah Najihah binti Abdullah, Norleyermah binti Haji Raya

dan Nur Wasiqah Aziemah binti Rosihan berjaya meraih pingat perak bagi acara Seni Regu Berpasukan Wanita dengan mengutip 9.925 mata.

Manakala pasukan Pencak Silat Lelaki negara pula berjaya raih pingat gangsa melalui Mohammad Hazim bin Ramlee, Muhammad Haziq Aqwa bin Md Iman Safwan dan Md Ali Saifullah bin Haji Md. Suhami bagi acara Seni Regu Berpasukan Lelaki dengan markah 9.91 mata.

Sementara itu, pasukan Badminton negara telah beraksi di peringkat separuh akhir menentang Myanmar setelah mendapat undian Bye dalam acara Badminton Mixed Team.

Pasukan negara kalah 3 - 0 dengan kutipan mata bagi Kategori Mixed Doubles (7-21, 10-21), Men's Singles (14-21, 12-21) dan Women's Singles (2-21, 5-21).

Keputusan ini menempatkan Myanmar mara ke peringkat akhir. Manakala, Negara Brunei Darussalam dengan sendirinya meraih pingat gangsa bersama dengan Laos dalam acara Mixed Team (Special Event) yang disertai oleh lima negara membangun dalam sukan Badminton iaitu Negara Brunei Darussalam, Kemboja, Myanmar, Laos dan Timor Leste.

Ketika ditemui media, Anisah Najihah menjelaskan, mereka sepasukan telah menjalani latihan sejak tahun lepas, manakala latihan intensif dijalankan bermula awal tahun ini.

Menurutnya, antara cabaran yang mereka hadapi sepanjang perlawanan berkenaan adalah dalam mengekalkan rekod mereka memandangkan pada tahun sebelumnya pasukan tersebut juga berjaya meraih pingat perak.

Bagi Md Ali Saifullah pula, beliau mengakui bahawa mereka terpaksa akur berada dalam kedudukan ketiga setelah gagal memasuki peringkat akhir bagi

berjaya meraih pingat perak.

"Kami berharap akan mendapatkan lebih banyak pingat

untuk negara bagi Sukan SEA di masa akan datang, malahan pada kejohanan-kejohanan lain," katanya.

Beliau berkata, pasukannya telah menjalani latihan intensif selama tiga bulan sebagai persiapan bertanding di Sukan SEA dengan mengadakan perlawanan dengan komuniti badminton yang lain dan meminta bantuan jurulatih dari luar negara bagi memantapkan lagi permainan mereka.

Turut hadir, Setiausaha Tetap (Kesukanan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), Pengiran Mohammad Amirrizal bin Pengiran Haji Mahmud; Pemangku Pengarah Belia dan Sukan, Awang Haji Mohamad Rosfazilah bin Haji Yusly; serta pegawai-pegawai Jabatan Belia dan Sukan, KKBS.



ATLET Pencak Silat Wanita negara, Anisah Najihah binti Abdullah (kiri) bersama rakan-rakan seperjuangan (atas), manakala gambar bawah, atlet Pencak Silat Lelaki negara, Md Ali Saifullah bin Haji Md. Suhami (tengah) bersama rakan-rakan seperjuangan ketika ditemui oleh pihak media dan berkongsi pengalaman mereka.



ATLET Badminton negara, Chang Huei Woo (kiri) bersama rakan-rakan seperjuangan beliau ketika ditemui oleh pihak media dan berkongsi pengalamannya.

Oleh : Marlinawaty Hussin
Foto : Azmah Haji Ahad

menentang pasukan Indonesia. Beliau menambah, mereka telah mencuba sedaya upaya dan membuat yang terbaik untuk ke peringkat seterusnya, namun rezeki untuk meraih pingat emas belum memihak kepada mereka.

"Kami ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada pihak JBS kerana menaruh kepercayaan kepada kami dan juga ibu bapa serta penyokong-penysokong di Negara Brunei Darussalam. Atas sokongan mereka dan doa ibu bapa juga kami akan (terus) melakukan yang terbaik," katanya.

Sementara itu, atlet pasukan Badminton negara, Chang Huei Woo berharap sukan Badminton di negara ini akan lebih berkembang maju dengan sokongan para pemain badminton kebangsaan dan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

"Kami berharap akan mendapatkan lebih banyak pingat

Pingat emas pertama negara bagi Sukan SEA Ke-32

Oleh: Nurhamiza Awang Haji Roslan

>> Muka 32

"Saya tidak akan berhenti di sini, saya berharap dapat meneruskan dan membanggakan lagi NBD. InsyaAllah," ujar Muhd Adi Salihin.

Dalam pada itu, Muhd Adi Salihin ingin merakamkan penghargaan kepada Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), Jabatan Belia dan Sukan, Majlis Olimpik Kebangsaan, jurulatih, persatuan, keluarga dan rakan-rakan atas sokongan yang tidak henti-henti.

Sementara itu, dalam temu bual bersama Jurulatih Pasukan Wushu negara, Li Hui, beliau meluahkan rasa gembira dan bangga atas pencapaian Muhd Adi Salihin.

"Hari ini merupakan hari pertama pertandingan kami dan kami berjaya memperoleh pingat emas bagi acara Nanquan."

"Ini adalah emas pertama bagi kontinjen NBD. Saya sangat gembira dan sangat bangga dengan Adi," katanya lagi.

Li Hui juga berkata, untuk pertama kali dalam sejarah sukan negara, pingat emas dimenangi tiga kali secara berturut-turut (untuk tiga edisi Sukan SEA).

Beliau menjelaskan walaupun latihan untuk atlet-atlet Wushu sangat mencabar namun dengan sokongan negara, pasukan Wushu berjaya meneruskannya.

Satu persembahan yang membanggakan daripada pasukan atlet wushu negara adalah persembahan dalam acara Men's Duilian di mana Majdurano Joel bin Majallah Sain dan Abel Lim Wee Yuan berjaya menambah pingat bagi NBD setelah memperoleh pingat gangsa dengan kutipan 9.283 mata.

Pingat emas diraih oleh Thailand dengan kutipan mata 9.350 manakala pingat perak diraih oleh Kemboja dengan kutipan mata 9.316.

"Untuk acara Duilian, Joel dan Abel baharu digandingkan dan prestasi mereka banyak meningkat semasa latihan di China dan kini berjaya memperolehi pingat gangsa."

"Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuri Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiyah atas sokongan berterusan dan juga kepada KKBS, Persatuan Wushu NBD dan semua penyokong atas segala sokongan yang diberikan dan kami akan terus berusaha untuk yang terbaik dan membanggakan NBD," ujar Li Hui lagi.



ePaper Pelita Brunei



EMAS KEDUA BUAT NEGARA



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuar Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Honorary life President Southeast Asian Games Federation berkenan menyempurnakan penyampaian pingat-pingat kepada atlet Wushu negara, Hosea Wong Zheng Yu yang berjaya menyumbang pingat emas kedua bagi Negara Brunei Darussalam pada temasya Sukan Asia Tenggara Ke-32, 2023 (kiri). Sementara gambar kanan, atlet negara, Basma Lackhar meraih pingat gangsa dalam acara Dua Kategori Gabungan Taijiquan dan Taijijian.

Oleh : Muhammad Khairulanwar Ali Rahman

Foto : Ihsan Urus Setia Kontinjen Negara Brunei Darussalam Sukan SEA Ke-32, Phnom Penh, Kemboja 2023

PHNOM PENH, KEMBOJA, Jumaat, 12 Mei. - Atlet Wushu negara, Hosea Wong Zheng Yu berjaya menyumbang pingat emas kedua bagi Negara Brunei Darussalam (NBD) pada temasya Sukan Asia Tenggara

(Sukan SEA) Ke-32, 2023 yang berlangsung di Pusat Konvensyen Chroy Changvar, Phnom Penh, Kemboja.

Pingat emas yang diraih oleh Hosea Wong Zheng Yu diperoleh melalui acara Dua Kategori

Gabungan Taijiquan dan Taijijian bagi Lelaki setelah berjaya mengutip mata tertinggi, iaitu 19.189 mata.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuar Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Honorary life President Southeast Asian Games Federation (SEAGF), berkenan berangkat bagi menyempurnakan penyampaian pingat-pingat kepada para pemenang dalam acara Men's Nanquan.

Nanquan setelah berjaya mengutip mata tertinggi, iaitu 9.636 mata. Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuar Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Honorary life President Southeast Asian Games Federation (SEAGF), berkenan berangkat bagi menyempurnakan penyampaian pingat-pingat kepada para pemenang dalam acara Men's Nanquan.

Pada temasya Sukan SEA 2019, Mohd Adi Salihin memenangi pingat emas pertamanya dan kali kedua pula pada acara Sukan SEA 2021. Pingat emas yang diraihnya pada hari ini merupakan pingat emas ketiga yang dimenangi secara berturut-turut untuk tiga edisi temasya Sukan SEA.

Dalam temu bual secara dalam talian bersama Pelita Brunei, Muhd Adi Salihin

meluahkan rasa syukur kepada Allah Subhanahu WaTa'ala di atas

kemenangannya.

Federation (SEAGF) berkenan menyempurnakan penyampaian pingat-pingat kepada pemenang dalam acara tersebut.

Sementara itu, dalam acara Dua Kategori Gabungan Taijiquan dan Taijijian bagi Wanita pula, atlet negara, Basma Lackhar meraih pingat gangsa dengan 19.160 mata manakala seorang lagi atlet Wushu negara, Lim Yee Sean berada di tempat ke-6 dengan 18.599 mata.

Setakat hari ini, Negara Brunei Darussalam meraih dua pingat emas, satu pingat perak dan enam pingat gangsa pada temasya Sukan SEA Ke-32.

Acara seterusnya yang akan berlangsung di Olympic Complex : Taekwondo Hall menyaksikan atlet negara, Liyana Safiah Sidek dalam acara Angkat Berat akan bersaing dengan atlet Viet Nam, Kemboja, Indonesia, Filipina dan Thailand dalam acara Women 49kg dan Mohammad Nashrul Haji Abu Bakar dalam acara Men 61Kg yang akan bersaing dengan atlet Indonesia, Filipina, Thailand dan Viet Nam.



CAMBODIA 2023
32nd SEA GAMES

Pingat emas pertama negara bagi Sukan SEA Ke-32

Oleh: Nurhamiza Awang Haji Roslan

Foto : Ihsan Urus Setia Kontinjen Negara Brunei Darussalam Sukan SEA Ke-32, Phnom Penh, Kemboja 2023

PHNOM PENH, KEMBOJA, Rabu, 10 Mei. - Atlet wushu negara, Mohd Adi Salihin bin Roslan berjaya menyumbang pingat emas pertama bagi Negara Brunei Darussalam (NBD) pada temasya Sukan Asia Tenggara (Sukan SEA) Ke-32, 2023 yang berlangsung di Pusat Konvensyen Chroy Changvar, Phnom Penh, Kemboja.

Pingat emas yang diraih oleh Muhd Adi Salihin diperoleh melalui acara Men's

Nanquan setelah berjaya mengutip mata tertinggi, iaitu 9.636 mata.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuar Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Honorary life President Southeast Asian Games Federation (SEAGF), berkenan berangkat bagi menyempurnakan penyampaian pingat-pingat kepada para pemenang dalam acara Men's Nanquan.

Pingat perak diraih oleh Harris Horatius dari Indonesia dengan 9.553 mata manakala pingat gangsa diraih oleh Van Huu Nong dari Viet Nam dengan 9.546 mata. Seramai 12

orang atlet bertanding dalam acara tersebut.

Pada temasya Sukan SEA 2019, Mohd Adi Salihin memenangi pingat emas pertamanya dan kali kedua pula pada acara Sukan SEA 2021. Pingat emas yang diraihnya pada hari ini merupakan pingat emas ketiga yang dimenangi secara berturut-turut untuk tiga edisi temasya Sukan SEA.

Dalam temu bual secara dalam talian bersama Pelita Brunei, Muhd Adi Salihin meluahkan rasa syukur kepada Allah Subhanahu WaTa'ala di atas

"Pertama sekali saya ingin meluahkan rasa syukur kepada Allah Subhanahu WaTa'ala. Seperti tidak percaya, saya menang pingat emas tiga kali berturut-turut untuk negara. Tetapi benar, usaha gigih memang akan membawa hasil.

"Saya juga berbesar hati dengan sokongan serta dorongan daripada rakan-rakan atlet senegara yang juga tidak henti-henti memberi semangat supaya membuat persembahan terbaik semasa bertanding.

>> Muka 31

Tahukah Awda

DALAM usaha untuk mengeluarkan penerima bantuan daripada kepompong kemiskinan, Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM) telah pun meningkatkan keberkesanan program-program bantuan kebajikan antaranya ialah Program Berniaga Dari Rumah (BDR). Program ini memberikan peluang kepada individu yang menerima bantuan kebajikan yang tidak berkeupayaan untuk bekerja seperti masalah menjaga anak atau kenderaan tetapi mempunyai keinginan untuk memulakan perniagaan atau mempunyai kemahiran yang dapat digunakan untuk membuat perusahaan secara kecil-kecilan. Pihak JAPEM akan membantu peserta yang di bawah program seperti memasarkan produk-produk mereka, memberikan latihan kemahiran dan membantu mendapatkan modal perniagaan.

SUMBER : <http://www.japem.gov.bn/>.

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

AMALKAN SIKAP BERJIMAT CERMAT KETIKA MENGGUNAKAN AIR